



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan

BNM

Suku Ketiga 2021


S3



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Halaman sengaja dikosongkan.



Kandungan

MS 5 Sorotan Penting

MS 7 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

MS 11 Perkembangan Ekonomi Malaysia

MS 27 *Rencana: Mengecilkan Jurang Makanan: Peranan Penambahbaikan Struktur dalam Sektor Agromakanan*

MS 41 Perkembangan Monetari dan Kewangan

MS 47 Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

MS 51 Tinjauan Makroekonomi


MS 53 Tambahan

Halaman sengaja dikosongkan.

Sorotan Penting: S3 2021

KDNK terjejas disebabkan oleh langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat, manakala inflasi menjadi sederhana pada S3 2021

Kegiatan ekonomi menguncup disebabkan oleh pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat




■ suku tahunan (terlaras secara bermusim)

○ tahun ke tahun

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana, didorong terutamanya oleh luputnya kesan asas daripada harga bahan api



○ Inflasi keseluruhan


○ Inflasi teras*

* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perdagangan luar negeri kekal kukuh, manakala kegiatan ekonomi yang terjejas akibat langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat pada bulan Julai bertambah baik apabila sekatan dilonggarkan secara beransur-ansur

Penunjuk Ekonomi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, IHS Markit, Tenaga Nasional Berhad

Halaman sengaja dikosongkan.

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Sorotan


- Pertumbuhan global menjadi sederhana pada suku ketiga 2021.
- Eksport serantau terus pulih.
- Keadaan pasaran kewangan global kekal tidak menentu.

Pemulihan pertumbuhan global menjadi perlahan

Ekonomi global terus pulih tetapi menjadi sederhana pada suku ketiga tahun 2021. Hal ini berikutan pemulihan yang kukuh pada suku kedua tahun 2021, disebabkan terutamanya oleh asas yang rendah pada suku kedua tahun 2020 apabila sekatan pergerakan berkaitan dengan COVID-19 dilaksanakan secara meluas. Dalam kebanyakan ekonomi maju, pertumbuhan adalah menyeluruh merentas sektor perkilangan dan perkhidmatan apabila langkah-langkah pembendungan terus dilonggarkan berikutan kadar pemberian vaksin yang tinggi. Sebaliknya, banyak ekonomi sedang pesat membangun mengalami pemulihan permintaan dalam negeri yang lebih perlahan disebabkan oleh sekatan pergerakan setempat untuk mengekang penularan berikutan kadar pemberian vaksin yang lebih rendah secara relatif.

R1 Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Namun begitu, aktiviti perdagangan kekal kukuh, terutamanya dalam kalangan pengeksport komoditi.

Pertumbuhan bagi ekonomi AS menjadi perlahan kepada 4.9% pada suku ketiga (S2 2021: 12.2%). Penggunaan swasta terus mengalami pemulihan, disokong oleh keadaan pasaran kerja yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, pemulihan menjadi perlahan disebabkan oleh kekangan pengeluaran yang melembapkan aktiviti perkilangan. Aktiviti perkhidmatan turut menjadi sederhana disebabkan oleh keyakinan pengguna yang berkurang berikutan peningkatan semula jumlah kes COVID-19. Kekurangan tenaga kerja terutamanya dalam sektor yang berhubung rapat dengan pelanggan terus menjejaskan lagi aktiviti dalam negeri. Hal ini disebabkan oleh persaraan awal dan penangguhan pembukaan semula sekolah akibat penyebaran COVID-19 yang menghalang kemasukan semula ibu bapa ke dalam tenaga kerja.


Pertumbuhan di kawasan euro menjadi sederhana kepada 3.7% (S2 2021: 14.2%). Aktiviti perkhidmatan terus meningkat, dipacu oleh sektor perkhidmatan yang kembali normal berikutan kadar pemberian vaksin yang lebih tinggi dan peningkatan aktiviti pelancongan secara beransur-ansur. Pengembangan sektor perkilangan menjadi perlahan walaupun permintaan dalam dan luar negeri berterusan apabila kekurangan bekalan input dan kesesakan perkapalan mengekang pengeluaran.

Di China, ekonomi berkembang sebanyak 4.9% (S2 2021: 7.9%). Permintaan dalam negeri menjadi perlahan pada suku ketiga disebabkan oleh pelaksanaan sekatan pergerakan setempat untuk membendung penyebaran COVID-19, gangguan bekalan kuasa, serta pelaburan tetap yang lemah, terutamanya dalam infrastruktur dan harta tanah. Permintaan luaran yang kekal kukuh terus menyokong pertumbuhan.

R2


Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam Dolar AS)

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Indeks



Sumber: Bloomberg

Eksport serantau terus kukuh

Eksport ekonomi serantau menjadi sederhana tetapi kekal kukuh dalam suku ketiga. Permintaan terus dipacu oleh produk elektrik dan elektronik (E&E) dengan pengeksport komoditi turut mendapat manfaat daripada peningkatan harga komoditi berikutan permintaan global yang lebih tinggi untuk minyak, gas dan arang batu.

Keadaan pasaran kewangan global kekal tidak menentu

Keadaan pasaran kewangan global kekal tidak menentu, seperti yang dicerminkan oleh Indeks Volatiliti (VIX) CBOE yang kekal pada paras tinggi yang sama seperti suku sebelumnya (S2 2021: 18.1). Volatiliti meningkat menjelang akhir suku ketiga berikutan pengumuman perbincangan US Federal Open Market Committee pada mesyuarat bulan

September. Inflasi yang meningkat menyebabkan jangkaan dasar monetari AS menjadi lebih ketat dengan lebih cepat. Ketidakpastian berhubung dengan prospek ekonomi global meningkat berikutan kes COVID-19 yang lebih tinggi, kenaikan harga komoditi dan kebimbangan tersebarnya isu sektor harta tanah China ke peringkat global. Sentimen pelabur turut terjejas akibat ketidakpastian yang berterusan tentang resolusi belanjawan dan had tertinggi hutang kerajaan persekutuan AS menjelang akhir suku ketiga.

Purata harga minyak mentah Brent berada pada USD73 setong pada suku ketiga 2021 (purata S2 2021: USD63 setong) dipacu oleh permintaan minyak global yang meningkat. Gangguan pada fasiliti pengeluaran AS akibat Hurricane Ida juga telah menaikkan harga minyak pada suku ketiga di tengah-tengah pengurangan pengeluaran oleh OPEC+ yang sedang dilaksanakan sejak bulan Mei 2020.

Halaman sengaja dikosongkan.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

Sorotan


- Ekonomi Malaysia menurun sebanyak 4.5% pada suku ketiga tahun 2021.
- Inflasi keseluruhan menjadi sederhana kepada 2.2% pada suku ketiga.
- Lebih akaun semasa lebih rendah sebanyak RM11.6 bilion atau 3.1% daripada KDNK.

Pertumbuhan KDNK menurun pada suku ketiga tahun 2021

Ekonomi Malaysia berhadapan dengan kejutan permintaan dan bekalan yang berlaku semula berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang ketat di bawah Pelan Pemulihan Negara (*National Recovery Plan*, NRP)¹ pada suku ketiga tahun 2021. Akibatnya, ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 4.5% (S2 2021: +16.1%). Kegiatan ekonomi terjejas terutamanya pada bulan Julai di bawah Fasa 1 NRP, namun kemudiannya pulih apabila lebih banyak negeri beralih ke Fasa 2² dengan langkah-langkah pembendungan yang kurang ketat. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatatkan penguncupan, terutamanya sektor pembinaan yang dikekang oleh had kapasiti operasi. Dari segi permintaan, sekatan pergerakan,

R4 Pertumbuhan KDNK Benar

Perubahan dalam tempoh (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


¹ NRP menggantikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh yang pada asalnya diumumkan pada 28 Mei 2021. Terdapat empat fasa NRP, dan Fasa 1 mengandungi langkah-langkah pembendungan yang paling ketat.

² Pada akhir bulan September 2021, hanya Perlis, Sarawak, Terengganu dan Pahang berada di Fasa 3, manakala Labuan dan Negeri Sembilan berada dalam Fasa 4 NRP. Lembah Klang mula memasuki Fasa 2 pada 10 September 2021 dan kemudiannya memasuki Fasa 3 pada 1 Oktober 2021.

terutamanya terhadap perjalanan merentas daerah dan merentas negeri telah menjejaskan aktiviti penggunaan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, peningkatan perbelanjaan penggunaan sektor awam yang berterusan


memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan keseluruhan. Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 3.6% (S2 2021: -1.9%).

R5 Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R6 Sumbangan Sektor Ekonomi kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti yang lebih rendah merentas seluruh sektor ekonomi

Semua sektor ekonomi mencatatkan pertumbuhan negatif pada suku ketiga tahun 2021. Sektor perkhidmatan menurun sebanyak 4.9% (S2 2021: 13.5%). Sektor perkhidmatan terjejas akibat aktiviti berkaitan pengguna yang semakin lemah berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan, terutamanya pada bulan Julai. Namun begitu, aktiviti berkaitan pengguna telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan pada asas bulanan sejak bulan Ogos apabila sekatan operasi dilonggarkan, termasuk untuk restoran dan aktiviti rekreasi. Subsektor kewangan dan insurans terus berkembang, didorong terutamanya oleh premium insurans bersih yang lebih tinggi. Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi memberikan sedikit sokongan berikutan permintaan yang berterusan untuk perkhidmatan data komunikasi, terutamanya untuk aktiviti e-dagang dan e-pembayaran.

Pertumbuhan dalam sektor perkilangan menguncup sebanyak 0.8% (S2 21: 26.6%) disebabkan sebahagian besarnya oleh pelaksanaan NRP Fasa 1 yang berterusan pada bulan Julai di kebanyakan negeri apabila aktiviti yang dibenarkan beroperasi dihadkan kepada barangan keperluan dan rantai nilai global (global value chains, GVC). Pengeluaran aktiviti perkilangan dikenakan kekangan yang semakin ketat apabila hanya aktiviti berkaitan barangan keperluan dibenarkan beroperasi pada tempoh PKPD selama 2 minggu (3 Julai - 16 Julai) di Lembah Klang. Tindakan ini telah menjejaskan

khususnya subsektor E&E. Walau bagaimanapun, pelonggaran sekatan bagi syarikat yang mempunyai pekerja yang telah diberikan vaksin dilaksanakan pada 16 Ogos. Keadaan ini memudahkan pemulihan yang meluas di seluruh kelompok perkilangan. Sektor GVC terus berkembang sejajar dengan permintaan luaran yang kukuh, manakala aktiviti perkilangan bukan keperluan beransur-ansur pulih apabila sekatan operasi dilonggarkan.

Sektor pembinaan menurun sebanyak 20.6% (S2 2021: 40.3%) apabila aktiviti dikekang oleh had kapasiti operasi. Khususnya, pertumbuhan subsektor kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam terjejas, namun keadaan bertambah baik dari bulan Ogos berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan³ yang membenarkan lebih banyak aktiviti pembinaan disambung semula.


Aktiviti dalam sektor perlombongan menurun sebanyak 3.6% (S2 2021: 13.9%). Pengeluaran minyak mentah dan gas asli lebih rendah pada suku ketiga disebabkan terutamanya oleh penutupan beberapa fasiliti untuk tujuan penyelenggaraan, termasuk medan Gumusut-Kakap yang terletak di luar pesisir Sabah dan Sarawak.

Sektor pertanian mencatatkan penguncupan sebanyak 1.9% (S2 2021: -1.5%), didorong terutamanya oleh pengeluaran kelapa sawit yang lemah apabila aktiviti penuaian terjejas akibat kekurangan tenaga kerja yang berlanjutan. Pertumbuhan juga terjejas disebabkan oleh kelemahan subsektor akuakultur dan keadaan ini lebih daripada mengimbangi peningkatan subsektor getah, perhutanan, penternakan dan pertanian lain yang berterusan.

³ Aktiviti yang dibenarkan beroperasi diperluas dengan mengambil kira antara lain projek kerajaan, projek yang dijalankan oleh kontraktor gred G1-G4 dan pengubahsuaian unit kediaman perseorangan dan bangunan komersial. Had kapasiti operasi di bawah Fasa 2 juga dinaikkan daripada 60% kepada 80% dan boleh ditingkatkan lagi bergantung kepada kadar pemberian vaksin dalam kalangan pekerja.

R7


Pertumbuhan Tahunan KDNK Benar Mengikut Komponen Perbelanjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

R8

Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK Benar



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri menurun

Permintaan dalam negeri menurun sebanyak 4.1% (S2 2021: 12.4%) pada suku ketiga tahun 2021, disebabkan oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang terjejas berikutan pelaksanaan sekatan berfasa di bawah NRP. Dalam sektor luaran, eksport bersih menguncup sebanyak 37.5% (S2 2021: 34.3%) disebabkan oleh pertumbuhan import mengatasi pertumbuhan eksport.

Penggunaan swasta menurun sebanyak 4.2% (S2 2021: 11.7%) apabila langkah-langkah pembendungan yang ketat dan sekatan pergerakan menjejaskan perbelanjaan isi

rumah pada separuh pertama suku ketiga. Keadaan pasaran pekerja juga lemah pada tempoh yang sama dengan pertumbuhan pendapatan dan pertumbuhan pekerjaan yang lebih lemah. Walau bagaimanapun, pelbagai langkah dasar, termasuk pengeluaran i-Sinar dan i-Citra KWSP serta Bantuan Khas COVID-19 (BKC), terus memberikan sokongan kepada isi rumah yang terjejas.

Penggunaan awam berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.1% pada suku ketiga (S2 2021: 9.0%), disokong oleh perbelanjaan yang berkaitan dengan COVID-19, termasuk pemerolehan vaksin dan perbelanjaan logistik.

Aktiviti pelaburan menguncup

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) menguncup sebanyak 10.8% (S2 2021: 16.5%), didorong oleh perbelanjaan modal yang lebih rendah dalam sektor swasta dan sektor awam. Dari segi jenis aset, pelaburan dalam struktur menurun sebanyak 26.1% (S2 2021: 20.2%), manakala pelaburan dalam jentera dan kelengkapan (M&E), dan aset-aset lain masing-masing meningkat sebanyak 10.2% (S2 2021: 15.1%) dan 8.3% (S2 2021: 4.4%).

Pelaburan swasta menurun sebanyak 4.8% (S2 2021: 17.4%), apabila langkah-langkah pembendungan telah mengekang kapasiti operasi


syarikat dan menjejaskan realisasi pelaburan, terutamanya bagi pelaburan dalam struktur. Walau bagaimanapun, kesannya dikurangkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan modal untuk peralatan ICT serta penyelidikan dan pembangunan (*research and development*, R&D), terutamanya apabila syarikat dalam sektor berorientasikan eksport terus meningkatkan kapasiti mereka.

Pelaburan awam mencatatkan penguncupan sebanyak 28.9% (S2 2021: 12.0%). Perbelanjaan aset tetap oleh Kerajaan Am menurun, terutamanya dalam pembinaan serta pembaikan bangunan dan fasiliti, manakala perbelanjaan modal oleh syarikat awam adalah lebih rendah merentasi semua sektor.

R9

Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset

Perubahan tahun ke tahun (%)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi keseluruhan menjadi sederhana pada suku ketiga


Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menjadi sederhana kepada

2.2% pada suku ketiga (S2 2021: 4.1%). Inflasi yang lebih rendah pada suku ketiga mencerminkan terutamanya luputnya kesan asas daripada harga bahan api serta pelaksanaan diskaun bil elektrik selama tiga bulan yang berkuat kuasa pada bulan Julai 2021.⁴

R10

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen

Perubahan tahunan (%), Sumbangan kepada inflasi keseluruhan (mata peratusan, mp)




* Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraan juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

⁴ Diskaun bil elektrik dilaksanakan di bawah skim Diskaun Bil Elektrik PEMULIH mulai bulan Julai hingga September 2021, dengan diskaun antara 5% hingga 40% bergantung pada penggunaan elektrik bulanan.

Peratusan barangan IHP (%)



* Berdasarkan inflasi bulan ke bulan bagi 125 barangan IHP pada aras 4 digit

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Berikutan pelaksanaan semula sekatan pergerakan yang bermula pada bulan Jun, bahagian barangan IHP yang mencatatkan harga tidak berubah adalah lebih besar sepanjang sebahagian besar suku ketiga (bulan Ogos: 68%; Julai 68%; purata S2 2021: 50%). Apabila kegiatan ekonomi disambung semula secara beransur-ansur di bawah NRP, terutamanya sejak awal bulan September, bahagian barangan IHP yang mencatatkan kenaikan harga meningkat kepada 38% pada bulan September (purata S2 2021: 36%).

Walaupun sekatan pergerakan dilaksanakan, inflasi teras kekal stabil dalam keadaan pengurangan kegiatan ekonomi, dengan purata 0.7% pada suku ketiga (S2 2021: 0.7%). Walau bagaimanapun, beberapa barangan pengguna mencatatkan inflasi yang agak tinggi, mencerminkan sebahagiannya kesan limpahan daripada tekanan kos global yang tinggi, termasuk beberapa barangan dalam kumpulan IHP teras seperti *perabot dan hiasan rumah*, serta barangan dalam kumpulan IHP bukan teras, terutamanya *daging segar* dan *telur* pada bulan September.

Pemulihan pasaran pekerja lemah akibat NRP


Keadaan pasaran pekerja kekal lembap sepanjang suku ketiga. Walau bagaimanapun, keadaan mula bertambah baik pada bulan Ogos dan September apabila sekatan dilonggarkan secara beransur-ansur. Untuk keseluruhan suku ketiga, kadar pengangguran menurun sedikit kepada 4.7% (S2 2021: 4.8%). Penurunan ini didorong oleh peningkatan pekerjaan yang lebih besar (+67.5 ribu orang; S2 2021: -29.2 ribu) berbanding dengan pengembangan tenaga pekerja (+48.8 ribu orang; S2 2021: -36.2 ribu). Walau bagaimanapun, penambahbaikan kepada kadar pengangguran juga sebahagiannya disebabkan oleh pengembangan yang berterusan, walaupun kecil dalam penduduk luar tenaga pekerja (+5.2 ribu orang; S2 2021: +108.9 ribu) dengan 44.1% (S2 21: 43.5%) individu menyebut kewajipan kerja rumah/keluarga dan 41.5% (S2 21: 42%) menyebut persekolahan dan latihan sebagai sebab untuk tidak mencari pekerjaan.

Data daripada PERKESO menunjukkan bahawa tuntutan pengangguran kekal tinggi pada suku ketiga (15,753 orang; S2 2021: 14,311). Meskipun terdapat penambahbaikan pada bulan Ogos, namun lonjakan dalam tuntutan pengangguran berlaku pada bulan September apabila pemberhentian pekerja meningkat berikutan langkah penyusunan semula oleh syarikat dalam sektor perkilangan E&E dan perkilangan berkaitan sumber. Kadar penempatan pekerja dalam pekerjaan baharu juga lebih rendah (31 bagi setiap 100 orang yang diberhentikan; S2 2021: 40)⁵. Walau bagaimanapun, perkembangan terkini pada bulan Oktober menunjukkan bahawa tuntutan pengangguran menurun (bulan Oktober 2021: 4,399 orang; September 2021: 5,415) dan kadar penempatan meningkat (bulan Oktober 2021: 38%; September 2021: 32%), sejajar dengan penambahbaikan yang berterusan dalam keadaan pasaran pekerja secara keseluruhan.

R12

Kadar Pertumbuhan Guna Tenaga dan Upah

Perubahan tahun ke tahun (%)



Nota: Kadar pertumbuhan gaji sektor swasta merujuk kepada kadar pertumbuhan gaji pekerja dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


⁵ Kehilangan pekerjaan dan pemberhentian pekerja diwakili oleh jumlah individu yang memohon manfaat SIP akibat diberhentikan kerja (tuntutan pengangguran) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pula merujuk jumlah individu yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu di bawah program SIP bagi setiap 100 orang yang diberhentikan kerja. Oleh itu, kadar penempatan menunjukkan kadar pengambilan pekerja yang relatif dengan aktiviti pemberhentian pekerja. Data SIP tidak termasuk pekerja bukan standard yang mungkin terjejas dengan lebih ketara oleh sekatan pergerakan.

Upah sektor swasta⁶ menurun sebanyak 0.9% pada suku ketiga (S2 2021: 2.4%), disebabkan terutamanya oleh penguncupan upah sektor perkhidmatan (-2.6%; S2 2021: 0.4%), manakala upah sektor perkilangan terus mencatatkan pertumbuhan yang sederhana sebanyak 2.3% (S2 2021: 6.0%). Dalam sektor perkhidmatan, penurunan upah adalah menyeluruh

merentas subsektor, mencerminkan kemungkinan sikap berhati-hati yang berterusan dalam kalangan majikan berikutan kegiatan ekonomi yang terus lemah. Dalam sektor perkilangan, pertumbuhan upah terus disokong oleh subsektor E&E, produk petrokimia dan getah serta makanan, minuman dan tembakau. Pada asas suku tahunan, upah sektor swasta kekal pada trend yang meningkat, iaitu sebanyak 0.7% (S2 2021: -2.2%).

R13

Tuntutan Pengangguran dan Kadar Penempatan Pekerjaan




Nota: Tuntutan pengangguran merujuk bilangan penganggur yang memohon manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) berikutan kehilangan pekerjaan. Kadar penempatan pekerjaan merujuk bilangan pekerja yang ditempatkan dalam pekerjaan baharu melalui SIP bagi setiap 100 pekerja yang diberhentikan kerja.


Sumber: Sistem Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial

⁶ Upah sektor swasta merujuk upah dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pengembangan eksport kasar yang berterusan disokong oleh permintaan luaran yang kukuh

Pada suku ketiga tahun 2021, eksport kasar berkembang sebanyak 15.8% (S2 2021: 44.0%), mencerminkan peningkatan yang menyeluruh merentas produk dalam keadaan permintaan global yang kukuh. Import kasar meningkat sebanyak 21.0% (S2 21: 33.3%), didorong oleh pengembangan import barangan perantaraan dan pemulihan import modal. Lebih dagangan⁷ meningkat kepada RM61.3 bilion (S2 2021: RM56.4 bilion).

Eksport perkilangan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.9% (S2 2021: 43.6%), disokong terutamanya oleh eksport bukan


E&E (25.3%, S2 2021: 55.5%). Pertumbuhan ini disebabkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh terhadap produk petroleum dan kimia, keluaran logam dan produk berasaskan minyak sawit. Pertumbuhan eksport komoditi kekal kukuh pada 36.7% (S2 2021: 46.3%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam eksport minyak sawit mentah dan gas cecair asli.

Import barangan perantaraan meningkat sebanyak 27.9% (S2 2021: 43.8%), didorong oleh import bekalan industri, sejajar dengan pengembangan eksport perkilangan yang berterusan. Import modal bertukar arah (22.8%; S2 2021: -8.4%), berikutan kesan asas yang rendah pada suku ketiga tahun 2020 (-12.8%; S2 2020: +16.1%).

⁷ Lebih barangan dan perdagangan berbeza kerana barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengedaran (tanpa perubahan dalam pemilikan) dikecualikan daripada akaun barangan. Keterangan ini terdapat dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa edisi ke-6 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa.

RM bilion

% daripada KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Lebihan akaun semasa Malaysia dalamimbangan pembayaran menurun kepada RM11.6 bilion, atau 3.1% daripada KDNK pada suku ketiga (S2 2021: RM14.4 bilion atau 3.9% daripada KDNK). Lebihan yang lebih rendah ini disebabkan oleh defisit yang lebih besar dalam akaun pendapatan primer dan akaun pendapatan sekunder.


Lebihan barangan meningkat kepada RM41.2 bilion (S2 2021: RM40.7 bilion), disebabkan oleh pengembangan eksport yang berterusan bagi barangan perkilangan dan komoditi dalam

keadaan harga komoditi global yang lebih tinggi. Akaun perkhidmatan secara amnya kekal mencatatkan defisit (-RM15.2 bilion; S2 2021: -RM15.4 bilion).

Akaun pendapatan primer mencatatkan defisit yang lebih besar sebanyak RM11.3 bilion (S2 2021: -RM9.5 bilion). Defisit ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah dari luar negara. Defisit akaun pendapatan sekunder meningkat kepada RM3.1 bilion (S2 2021: -RM1.4 bilion), mencerminkan terutamanya pengirisan wang keluar yang lebih tinggi oleh pekerja asing.

R16 Pelaburan Langsung Mengikut Sektor

RM bilion




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

R17 Pelaburan Portfolio

RM bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia


Akaun kewangan bertukar arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih yang besar

Akaun kewangan bertukar arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM22.8 bilion (S2 2021: -RM7 bilion), apabila aliran masuk dalam pelaburan langsung dan akaun pelaburan lain lebih daripada mengimbangi aliran keluar dalam akaun pelaburan portfolio. Akaun pelaburan langsung mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM17.6 bilion (S2 2021: +RM4.2 bilion), disokong terutamanya oleh aliran masuk bersih yang lebih besar dalam pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) sebanyak RM12.8 bilion (S2 2021: +RM8.2 bilion). Keadaan ini didorong oleh pelaburan semula pendapatan yang lebih besar (+RM9.1 bilion; S2 2021: +RM7 bilion), terutamanya dalam sektor perkilangan, dan suntikan ekuiti yang lebih tinggi ke Malaysia (+RM6.4 bilion; S2 2021: +RM4.9 bilion). Pelaburan langsung ke luar negeri (*direct investment abroad*, DIA) bertukar arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM4.7 bilion pada suku ketiga (S2 2021: -RM4.0 bilion), mencerminkan terutamanya pengurangan modal di luar negeri oleh dana kekayaan badan berdaulat negara berikutan penyiapan projek pelaburan serta pengeluaran dan pembayaran balik pinjaman daripada anak-anak syarikat di luar negeri.

Akaun pelaburan portfolio mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM4.3 bilion (S2 2021: +RM20 bilion), disebabkan oleh pelaburan portfolio pemastautin yang berterusan di luar negeri (-RM5.2 bilion; S2 2021: -RM10.6 bilion) dalam keadaan pelaburan portfolio bukan pemastautin yang lebih rendah (+RM0.9 bilion; S2 2021: +RM30.5 bilion). Pelaburan portfolio pemastautin yang berterusan di luar negeri didorong oleh pemerolehan sekuriti ekuiti pelabur keinstitutional (-RM6.6 bilion, S2 2021: -RM9.6 bilion), walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Aliran masuk pelaburan portfolio bukan pemastautin bersih yang lebih rendah mencerminkan aliran masuk yang lebih rendah ke dalam sekuriti hutang domestik (+RM1.4 bilion; S2 2021: +RM32.2 bilion), terutamanya dalam bon Kerajaan.

Akaun pelaburan lain pula bertukar arah untuk mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM8.8 bilion (S2 2021: -RM30.5 bilion). Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh peruntukan tambahan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) (RM20.8 bilion) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)⁸. Kesilapan dan ketinggalan bersih berjumlah -RM13 bilion pada suku ketiga, atau -2.4% daripada jumlah perdagangan.

⁸ Menurut IMF, peruntukan SDR akan menyediakan mudah tunai tambahan kepada sistem kewangan global, meningkatkan rizab, membina keyakinan dan meningkatkan daya tahan ekonomi dunia.



¹ Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran

² Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri kekal terurus


Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM1,057 bilion, atau 70.5% daripada KDNK pada akhir bulan September 2021 (akhir Jun 2021: RM1,020.7 bilion atau 68.5% daripada KDNK). Peningkatan ini mencerminkan terutamanya peruntukan tambahan SDR kepada Malaysia oleh IMF dan sebahagian kecilnya, pinjaman antara syarikat berkaitan yang lebih tinggi. Keadaan ini sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih peminjaman antara bank. Jika peruntukan SDR dikecualikan (+RM20.8 bilion), hutang luar negeri Malaysia hanya meningkat sebanyak RM15.5 bilion kepada RM1,036.2 bilion, atau 69.1% daripada KDNK pada akhir bulan September 2021.

Hutang luar negeri Malaysia kekal terurus berikutan profil mata wang dan profil tempoh matangnya yang bersesuaian. Hutang luar negeri dalam denominasi ringgit berjumlah RM367.1 bilion dan mencakupi 34.7% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir Jun 2021: 35.1%). Sebahagian besar daripadanya adalah dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin (bahagian

sebanyak 67.8% daripada hutang luar negeri dalam denominasi ringgit) dan deposit dalam denominasi ringgit (bahagian sebanyak 16.6%) dalam institusi perbankan pemastautin. Liabiliti ini tidak dipengaruhi oleh turun naik dalam kadar pertukaran ringgit.

Hutang luar negeri dalam denominasi mata wang asing (*foreign currency*, FCY) mencakupi baki RM689.9 bilion, atau 65.3% daripada jumlah hutang luar negeri. 53.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY melibatkan sektor korporat, dan tertakluk terutamanya pada keperluan berhemat serta keperluan lindung nilai BNM. Bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir berjumlah RM199.3 bilion, dan mencakupi 28.9% daripada jumlah hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Hutang ini dipegang terutamanya oleh syarikat bukan kewangan. Hutang ini disalurkan terutamanya untuk membiayai pemerolehan aset di luar negeri. Pinjaman antara syarikat berkaitan yang mencakupi 15.1% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY, secara umumnya dikenakan syarat yang fleksibel dan pada kadar konsesi.

Butiran Hutang Luar Negeri dalam Denominasi Mata Wang Asing (RM bilion, % bahagian)



¹ Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Peminjaman antara bank dan deposit dalam denominasi FCY dalam sistem perbankan domestik mencakupi 30.5% daripada hutang luar negeri dalam denominasi FCY. Pada suku ini, peminjaman antara bank menurun, disebabkan terutamanya bank domestik kurang memerlukan dana FCY daripada pasaran antara bank pada peringkat antarabangsa berikutan peningkatan secara berterusan dalam deposit domestik FCY. Penurunan peminjaman antara bank juga sebahagiannya disebabkan oleh urusan niaga antara syarikat berkaitan yang matang oleh bank-bank di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC). Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh sesetengah bank dalam LIBFC yang meminjam dana daripada bank-bank berkaitan di luar negeri untuk memberi pinjaman kepada peminjam dalam negeri. Secara keseluruhan, hampir 80% daripada peminjaman antara bank terkumpul adalah dalam bentuk peminjaman antara kumpulan daripada pihak berkaitan di luar negeri, yang lazimnya lebih stabil, lantas mengehadkan risiko pelanjutan (rollover risk) yang dihadapi oleh institusi perbankan. Sementara itu, risiko mata

wang asing, seperti yang diukur dari segi kedudukan terbuka bersih dedahan dalam denominasi FCY¹⁰, kekal rendah pada 4.9% daripada jumlah modal institusi perbankan (akhir Jun 2021: 4.7%).

Dari segi tempoh matang, sebanyak 63.1% daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai tempoh jangka sederhana hingga jangka panjang (akhir Jun: 62.2%), menunjukkan risiko pelanjutan yang rendah. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi baki 36.9% daripada hutang luar negeri. Yang ketara, sebanyak 43% daripada hutang luar negeri jangka pendek adalah dalam bentuk peminjaman antara syarikat berkaitan yang dipinjamkan oleh bank induk atau syarikat multinasional yang terletak di luar negeri. Kira-kira 14.7% lagi merupakan kredit perdagangan yang sebahagian besarnya bersandarkan perolehan eksport dan terbiaya sendiri. Pada 29 Oktober 2021, rizab antarabangsa berjumlah USD116.1 bilion yang memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, dan 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

¹⁰ Merujuk jumlah agregat kedudukan mata wang asing bersih jangka pendek atau jangka panjang bagi semua mata wang merentas industri perbankan.

Mengecilkan Jurang Makanan: Peranan Penambahbaikan Struktur dalam Sektor Agromakanan

Pengenalan

Berikutan langkah sekatan pergerakan yang dicetuskan oleh krisis kesihatan global, terdapat gangguan yang besar kepada rantai bekalan makanan pada awal tahun 2020. Sekatan terhadap mobiliti pekerja telah menyebabkan pengurangan aktiviti penuaian dan fasiliti pemprosesan makanan ditutup. Gangguan logistik menghalang pengangkutan hasil pertanian ke pasaran, manakala penutupan sempadan antarabangsa menjejaskan aliran perdagangan makanan. Beberapa buah negara pengeksport makanan juga mengenakan sekatan eksport terhadap barangan makanan ruji utama pada tempoh awal penularan wabak COVID-19 (CFS, 2020). Apabila hampir kesemua kerajaan melaksanakan langkah pembendungan dan sekatan pergerakan, kebimbangan terhadap kekurangan makanan telah mendorong pembelian panik serta penambahan simpanan stok barangan runcit dan bekalan yang meluas. Faktor-faktor ini telah menyumbang kepada pengurangan bekalan makanan dan kenaikan mendadak inflasi harga makanan di beberapa buah negara, lantas menjejaskan kos sara hidup, terutamanya dalam kalangan segmen masyarakat yang lebih rentan. Gangguan akibat kejutan pandemik COVID-19 telah mencetuskan semula dan menyerlahkan lagi kesan daripada kelemahan struktur yang sedia ada dalam sistem sekuriti makanan di seluruh dunia, termasuk di Malaysia.

Berlatarbelakangkan keadaan tersebut, rencana ini bertujuan untuk memberikan penilaian terhadap landskap sekuriti makanan di Malaysia pada masa ini berbanding dengan di negara-negara lain. Rencana ini turut membincangkan punca utama kelemahan, terutamanya dari aspek ketersediaan dengan menganalisis kemampuan sara diri dan import barangan makanan Malaysia, di samping mengemukakan cabaran yang semakin meningkat dalam memastikan bekalan makanan yang mencukupi pada masa akan datang. Akhir sekali, rencana ini menggariskan bagaimana penambahbaikan struktur dan penggunaan teknologi dalam industri agromakanan boleh memainkan peranan dalam mengecilkan jurang sekuriti makanan di Malaysia.

Perbandingan yang setara: Penandaarasan prestasi Malaysia dalam Global Food Security Index

Matlamat yang lebih menyeluruh untuk mencapai sekuriti makanan adalah dengan memastikan bahawa setiap penduduk mempunyai akses yang mencukupi dan berkemampuan untuk mendapatkan makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat bagi memenuhi keperluan dan pilihan pemakanan mereka untuk kehidupan yang aktif dan sihat (World Food Summit, 1996). Sekuriti makanan merupakan konsep pelbagai dimensi, yang merangkumi aspek ketersediaan, kemampuan, kualiti dan keselamatan yang saling berkaitan¹. Pada tahun-tahun mutakhir ini, konsep sekuriti makanan telah diperluas untuk merangkumi sumber asli dan daya tahan, yang menilai dedahan sesebuah negara terhadap kesan perubahan iklim, serta kecenderungan negara tersebut terkesan akibat risiko sumber asli dan bagaimana sesebuah negara menyesuaikan diri kepada risiko-risiko tersebut. Usaha penandaarasan antarabangsa yang menggunakan Global Food Security Index (GFSI)² 2021 menunjukkan bahawa Malaysia telah mencapai prestasi yang agak baik dengan menduduki tempat ke-39 dalam persekitaran keseluruhan (Jadual 1), berbanding dengan tempat ke-48 pada tahun sebelumnya. Kekuatan utama penarafan sekuriti makanan di Malaysia disebabkan oleh skor dan penarafan yang lebih baik dari aspek 'kemampuan'. Kedudukan ini sebahagiannya disebabkan oleh kewujudan program jaringan keselamatan makanan bersama-sama dengan kawalan harga dan subsidi untuk barangan keperluan (Jadual 2). Sebagai contoh, Program Bank Makanan Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengagihkannya bantuan makanan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

¹ Disesuaikan daripada Global Food Security Index, Economic Intelligence Unit.

² GFSI ialah model penanda aras kuantitatif dan kualitatif dinamik yang merangkumi aspek kemampuan, ketersediaan, kualiti dan keselamatan makanan serta sumber asli dan daya tahan. Indeks ini dibangunkan daripada 59 penunjuk unik yang mengukur pemacu asas sekuriti makanan merentas 113 negara (Sumber: Economist Intelligence Unit).

Kedudukan Malaysia Lebih Rendah Berbanding dengan Beberapa Negara Mempunyai Sumber yang Terhad

Negara Terpilih	Kedudukan dalam Global Food Security Index 2021				
	Persekitaran sekuriti makanan keseluruhan	Kemampuan	Ketersediaan	Kualiti dan keselamatan	Sumber asli dan daya tahan
 Ireland	1	2	8	3	3
 UK	3	4	11	14	6
 Jerman	4	10	18	18	11
 Switzerland	5	16	4	20	13
 Belanda	6	13	10	7	18
 Japan	8	11	5	30	16
 Amerika Syarikat	9	20	16	2	17
 Israel	12	7	6	10	60
 Singapura	15	23	1	43	65
 New Zealand	16	6	38	33	5
 Qatar	24	31	9	29	91
 Chile	28	38	27	27	24
 Kuwait	30	44	12	20	93
 Korea Selatan	32	43	17	44	43
 Australia	32	29	35	18	81
 China	34	49	2	56	64
 Bulgaria	38	33	51	34	26
 Malaysia	39	28	36	46	66
 Thailand	51	40	59	73	50
 Vietnam	61	64	48	61	78
 Filipina	64	57	67	68	88
 Indonesia	69	54	37	95	113
 India	71	80	29	74	40
 Kemboja	81	65	83	100	102

Sumber: Economist Intelligence Unit

Barang makanan	Jumlah	Harga siling (RM)	Jumlah subsidi (RM)
Tepung	1 kg	2.50	0.68
Minyak masak	1 kg	1.35	0.83
Gula (Kasar)	1 kg	2.84	0
Gula (Halus)	1 kg	2.94	0
Beras	1 mt	1,200	600 ~ 750

Sumber: Diadaptasi daripada Sabirzyanov, R et. al. (2021)


Walaupun bagaimanapun, kedudukan Malaysia secara keseluruhan masih ketinggalan di belakang beberapa negara maju dan negara yang kekurangan sumber. Contohnya, dalam kalangan ekonomi serantau, Singapura berada pada kedudukan pertama di dunia dari aspek 'ketersediaan' berdasarkan aktiviti R&D pertanian mereka yang meluas, komitmen yang tinggi terhadap dasar sekuriti makanan dan akses kepada makanan serta rintangan politik dan sosial yang rendah terhadap akses kepada makanan. Bagi Malaysia pula, walaupun terdapat peningkatan yang ketara pada tahun 2021, prestasi Malaysia dari aspek 'ketersediaan' kelihatan rapuh, dengan skor yang telah menurun di bawah purata global pada tempoh lima tahun yang lalu (Rajah 1). Sementara itu, terdapat kemerosotan yang nyata dari aspek 'kualiti dan keselamatan, serta aspek 'sumber asli dan daya tahan'. Penelitan yang lebih mendalam terhadap penunjuk yang membentuk GFSI mendedahkan bahawa dari aspek 'ketersediaan', masih wujud ruang untuk menambahbaik penyelidikan dan pembangunan pertanian, komitmen dasar sekuriti makanan dan akses kepada makanan, infrastruktur pertanian, pengeluaran pertanian yang tidak menentu dan bekalan yang mencukupi. Bagi aspek 'kualiti dan keselamatan' pula, lebih banyak usaha diperlukan bagi memastikan standard pemakanan, mikronutrien, kepelbagaian makanan dan keselamatan yang mencukupi. Akhir sekali, kelemahan dari aspek 'sumber asli dan daya tahan' amat membimbangkan kerana Malaysia menunjukkan prestasi yang kurang baik disebabkan oleh pergantungan yang tinggi terhadap import makanan dan sumber asli untuk output ekonomi, serta dedahan yang tinggi kepada risiko berkaitan iklim dan fenomena cuaca buruk.

R1

Kedudukan Malaysia dalam Global Food Security Index bertambah buruk sejak 2012

Kedudukan global
(angka yang lebih rendah menunjukkan kedudukan yang lebih tinggi)

Skor purata global ditolak skor Malaysia
(lebih rendah lebih baik)



Sumber: Economist Intelligence Unit, Bank Negara Malaysia

Menyediakan keperluan makanan asas: Bukan sekadar beras


Sebagai strategi yang lebih menyeluruh bagi meningkatkan persekitaran sekuriti makanan, Malaysia telah melaksanakan pelbagai dasar berkaitan pertanian yang sekian lama merupakan bahagian penting dalam rangka kerja perancangan ekonomi dan agenda pembangunan negara. Sejak tahun 1984, tiga Dasar Pertanian Negara (DPN) dilaksanakan bagi menyokong transformasi struktur negara daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi berasaskan perindustrian dan perkhidmatan. Dengan meningkatkan produktiviti pertanian dan memperluas usaha tanaman kontan untuk eksport, DPN pertama (1984-1991) telah menyumbang kepada pengurangan tahap keburluran dan kemiskinan serta peningkatan pendapatan petani. DPN kedua (1992-2010) memberikan tumpuan pada usaha mempelbagaikan tanaman eksport dan meningkatkan pengeluaran makanan dengan tujuan untuk mencapai tahap sara diri yang lebih tinggi dalam pelbagai barangan makanan³. DPN ketiga (1998-2010) merupakan versi DPN2 yang dikemas kini dan menekankan semula matlamat untuk menangani sekuriti makanan. Sebagai tindak balas kepada krisis makanan pada tahun 2008⁴ yang menyaksikan lonjakan mendadak harga bijirin, sekatan eksport beras dan pembelian panik, Kerajaan melancarkan Dasar Sekuriti Makanan Negara (2008-2010) untuk menangani isu ketidakcukupan beras. Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) kemudiannya diperkenalkan, dengan tumpuan yang diperbaharui terhadap pengeluaran makanan.

Sebagai makanan ruji rakyat Malaysia, bekalan beras yang mencukupi secara lazimnya dilihat sinonim dengan sekuriti makanan. Hal ini dicerminkan oleh tumpuan yang diberikan sejak dahulu lagi untuk meningkatkan pengeluaran beras. Sebagai contoh, 88% daripada subsidi pertanian dan 45% daripada jumlah belanjawan pertanian

R2

Sara Diri Kebanyakan Barangan Makanan Telah Merosot Semenjak Dekad Lalu

Kadar sara diri, %



*Nota: Kadar Sara Diri bagi beras adalah berdasarkan angka 2019

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia, 2011-2015, 2016-2020, Jabatan Perangkaan, Malaysia

⁴ Walau bagaimanapun, sekuriti makanan telah ditafsirkan secara sempit dari segi sara diri bagi beras dalam dasar tersebut (Jomo Kwame Sundaram dan Tan Zhai Gen, 2019)


⁵ Krisis makanan pada tahun 2008 disertai oleh kenaikan mendadak harga beberapa komoditi, terutamanya minyak mentah, disebabkan oleh permintaan kukuh yang berterusan, ketidakseimbangan bekalan, dolar AS yang lebih lemah dan sedikit sebanyak oleh spekulasi dalam pasaran komoditi. Beras, tanaman bijirin makanan kedua terbesar di dunia dalam tempoh tersebut, mencecah beberapa paras harga tertinggi akibat ketidakseimbangan mengenai kekurangan bekalannya, dan dikaitkan dengan ketidakseimbangan sosial dan sekatan eksport di beberapa negara (Sumber: Buletin Suku Tahunan BNM S1 2008).

telah diperuntukkan kepada sektor pengeluaran beras (Bank Dunia, 2020). Walau bagaimanapun, kadar sara diri (*self-sufficiency ratio*, SSR)⁵ untuk beras berada pada 69% pada tahun 2019. Perkara ini menunjukkan bahawa pengeluaran beras dalam negeri masih tidak mencukupi untuk memenuhi penggunaan dalam negara dan import diperlukan untuk memenuhi permintaan tersebut. Walaupun peningkatan pengeluaran beras tempatan adalah penting, namun peningkatan itu mungkin tidak benar-benar menangani kebimbangan terhadap sekuriti makanan di Malaysia memandangkan peralihan dalam corak penggunaan⁶ makanan yang didorong oleh pertumbuhan penduduk, tahap pendapatan yang lebih tinggi, tahap pambandaran dan perubahan gaya hidup.

Melangkaui pengeluaran beras, tahap sara diri untuk barangan makanan lain juga telah merosot. Berbanding dengan tahun 2011, SSR bagi 19 daripada 31 barangan makanan terpilih telah menurun pada tahun 2020 (Rajah 2). Sebanyak 13 daripada 14 barangan makanan yang berada di bawah paras sara diri yang mencukupi pada tahun 2011, terus berada pada paras yang sama selepas satu dekad. Daripada perspektif import, bahagian kandungan yang diimport dalam jumlah bekalan makanan mencakupi 24%⁷. Khususnya, penduduk semakin bergantung pada import untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap daging dan beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran (Rajah 3).

R3

Semakin Banyak Barang Makanan Diimport Untuk Memenuhi Permintaan Dalam Negeri Yang Lebih Tinggi



Nota: Data kadar kebergantungan import bagi beras tidak tersedia

Sumber: Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih Malaysia, 2011-2015, 2016- 2020, Jabatan Perangkaan, Malaysia dan pengiraan kakitangan Bank Negara Malaysia

⁵ SSR mengira peratusan pengambilan makanan yang dihasilkan di dalam negara. Semakin tinggi nisbah itu, semakin tinggi peratusan pengeluaran tempatan. SSR melebihi 100% menunjukkan bahawa pengeluaran makanan tempatan lebih daripada cukup untuk memenuhi keperluan penggunaannya. Sebaliknya, SSR di bawah 100% menunjukkan sejauh mana keperluan penggunaan makanan negara bergantung pada import.


⁶ Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019 menunjukkan bahawa isi rumah Malaysia secara purata berbelanja lebih daripada dua kali ganda untuk daging, roti dan bijirin lain berbanding dengan beras. Beras hanya mencakupi kurang daripada 1% daripada jumlah perbelanjaan isi rumah, sebahagiannya disebabkan oleh kawalan terhadap harga beras. Dari tahun 2015 hingga 2019, penggunaan per kapita beras menurun daripada 87.6 kg setahun kepada 73.9 kg setahun. Tey, et al. (2008) menunjukkan bahawa pilihan pemakanan rakyat Malaysia telah berubah apabila pengambilan nasi berkurang manakala pengambilan bijirin dan protein telah meningkat.

⁷ Jumlah bahagian import dikira berdasarkan purata wajaran 17 industri berkaitan makanan tidak termasuk minyak & lemak. Sumber: Jadual Input-Output 2010-2015, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kesan daripada pergantungan pada import makanan yang lebih besar dan sektor agromakanan yang kurang maju, Malaysia mencatatkan defisit perdagangan makanan yang lebih tinggi selama bertahun-tahun (Rajah 4). Dari tahun 2000 hingga 2020, kadar pertumbuhan tahunan terkompoun (*compounded annual growth rate, CAGR*) defisit perdagangan makanan Malaysia per kapita adalah lebih tinggi daripada pendapatan negara kasar (PNK) per kapita (Rajah 5). Dalam kata lain, bil import makanan bersih seorang rakyat Malaysia secara purata sebenarnya meningkat lebih cepat daripada pendapatannya meskipun terdapat sumber negara yang banyak dan potensi terpendam dalam industri agromakanan. Walau bagaimanapun, pencapaian SSR 100% bagi semua jenis makanan mungkin tidak praktikal kerana risiko ketersediaan makanan dapat dikurangkan melalui import⁸. Seperti yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia (2019)⁹, sesebuah negara mengimport makanan atas pelbagai sebab: (i) untuk mendapatkan barangan makanan yang bukan hasil tempatan; (ii) memenuhi permintaan pengguna yang berubah-ubah; (iii) untuk mendapatkan produk yang berkualiti lebih tinggi; (iv) mendapatkan input untuk pengeluaran tempatan (contohnya stok makanan ternakan); dan (v) untuk mendapatkan barangan yang sama pada harga yang secara relatif lebih murah.

R4

Defisit Dagangan Makanan Malaysia Berada Pada Trend Meningkat



Sumber: Analisis Haver dan Jabatan Perangkaan, Malaysia

⁸ Teori kelebihan berbanding sering dirujuk oleh pendukung penggunaan perdagangan sebagai cara untuk menangani sekuriti makanan (J. Clapp, 2015).


⁹ Import Makanan dan Kadar Pertukaran: Tidak Seperti Yang Disangka, Buletin Suku Tahunan BNM S3 2019.

R5

Pertumbuhan Defisit Perdagangan Makanan Malaysia per Kapita Mendahului Pertumbuhan PNK per Kapita

Defisit perdagangan makanan per kapita (RM)

PNK per kapita (RM)



Sumber: Analisis Haver, Jabatan Perangkaan, Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Bank Negara Malaysia

Seperti telur di hujung tanduk: Cabaran utama yang dihadapi oleh sistem jaminan makanan di Malaysia

Menjelang tahun 2050, penduduk dunia diunjurkan mencecah 9.8 bilion orang¹⁰, dengan permintaan global untuk makanan sekurang-kurangnya 60% lebih tinggi daripada masa kini¹¹. Dalam keadaan ini, terdapat keperluan penting untuk memastikan sekuriti makanan masa hadapan di Malaysia terpelihara dengan menangani cabaran utama terhadap risiko bekalan, baik di dalam mahupun di luar negara:

1. Pergantungan pada sumber import yang berlebihan bagi barangan makanan tertentu

Mendapatkan bekalan makanan melalui perdagangan asing menawarkan pelbagai manfaat terutamanya jika pengeluaran barangan makanan yang sama di dalam negara menanggung kos yang lebih tinggi. Isu yang menjadi kebimbangan ialah pergantungan yang terlalu tinggi terhadap import daripada sumber pasaran negara-negara tertentu sahaja. Misalnya, 70% daripada bekalan daging kambing Malaysia diimport dari Australia, manakala mangga, kelapa dan daging lembu masing-masing diimport terutamanya dari Thailand, Indonesia dan India¹². Hal ini mendedahkan negara kepada risiko bekalan luaran, terutamanya memandangkan ancaman perubahan iklim yang semakin meningkat, dasar eksport makanan yang tidak menentu dan potensi lonjakan permintaan global yang didorong oleh perubahan pilihan pemakanan serta saiz dan struktur penduduk (*population dynamics*)¹³.

2. Peningkatan risiko daripada peristiwa iklim yang kerap dan lebih melampau

Risiko fizikal yang berpunca daripada perubahan iklim merentas sempadan, merosakkan bukan sahaja pengeluaran pertanian tempatan tetapi juga pengeluaran di negara-negara pengeksport makanan yang lain. Di samping kemusnahan aset pertanian secara langsung (contohnya ladang), bencana berkaitan dengan cuaca yang

¹⁰ 'World Population Prospects: The 2017 Revision', United Nations Department of Economic & Social Affairs.

¹¹ 'Food security and why it matters', World Economic Forum (2016).

¹² Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih 2016-2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.

¹³ Sebagai contoh, pertumbuhan penduduk, bersama-sama dengan pembandaran dan peningkatan pendapatan dalam ekonomi besar seperti China telah menyebabkan peningkatan penggunaan produk daging dan seterusnya menyebabkan bekalan makanan global berkurang.

melampau dan pelepasan karbon yang lebih tinggi juga menjejaskan pertumbuhan, kadar hasil pengeluaran dan nilai khasiat tanaman. Perkara ini akan mendorong harga makanan yang tidak menentu dan mewujudkan tekanan inflasi kepada negara-negara pengimport makanan. Seperti yang dinyatakan oleh GFSI 2021, skor Malaysia yang sangat rendah di bawah aspek 'sumber asli dan daya tahan' mendedahkan negara kepada tiga isu penting dari segi bekalan yang berkaitan dengan perubahan iklim.

Pertamanya, fenomena cuaca buruk dijangka lebih tidak menentu dalam keadaan pemanasan global yang semakin meningkat. Sebagai contoh, Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) menyatakan dalam 6th Assessment Report bahawa peristiwa kerpasan yang berlaku secara mendadak dan melampau (*extreme one-day precipitation events*) akan menjadi 1.5 kali lebih kerap dalam senario suhu global yang meningkat sebanyak 1.5°C (Rajah 5). Kemungkinan untuk hal ini berlaku juga akan menjadi lebih pantas apabila suhu global semakin tinggi. Keadaan ini menunjukkan bahawa gangguan bekalan pertanian dan makanan pada masa hadapan hanya akan menjadi lebih kerap dan teruk jika tiada langkah pencegahan diambil pada masa ini.

Keduanya yang juga berkaitan, negara-negara Asia Tenggara terutamanya terdedah pada kenaikan suhu yang lebih cepat dan perubahan pola hujan yang mendadak, lantas menyebabkan kemerosotan tanah (*land degradation*) dan kegagalan tanaman (*crop failures*). Di Malaysia sahaja, terdapat lebih 50 bencana alam dicatatkan sepanjang dua dekad yang lalu yang mengakibatkan kesan yang ketara ke atas kehidupan dan mata pencarian terutamanya mereka yang terlibat dalam sektor pertanian. Antara tahun 1998 dan 2018, ekonomi Malaysia mengalami anggaran jumlah kerosakan sebanyak RM8 bilion akibat banjir besar dan musim kering¹⁴. Akhir sekali, pemusatan geografi bagi pengeluaran bijirin global memburukkan lagi risiko terhadap perubahan iklim. Menurut McKinsey Global Institute (2020), 60% daripada bekalan bijirin dunia dihasilkan di lima negara sahaja (China, AS, India, Brazil dan Argentina). Kejutan bekalan yang disebabkan oleh iklim juga akan mencetuskan risiko dalam bentuk sekatan eksport makanan dan dasar perlindungan yang meningkatkan lagi risiko bekalan kepada negara-negara pengimport.

3. Produktiviti yang rendah dalam industri agromakanan bukan beras

Setakat tahun 2019, nilai ditambah bagi setiap pekerja dalam sektor pertanian Malaysia adalah lebih rendah sebanyak 56% berbanding dengan purata negara berpendapatan tinggi.¹⁵ Produktiviti yang secara relatif lemah ini disumbangkan oleh penguasaan petani kecil¹⁶ dalam landskap agromakanan dalam negeri yang menghalang sektor ini daripada menikmati manfaat ekonomi ikut bidangan (*economies of scale*) yang akan meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos. Penggunaan jentera dalam operasi secara lazimnya tidak menguntungkan petani kecil kerana saiz ladang mereka yang terhad¹⁷. Hal ini menjadikan mereka lebih bergantung pada pendekatan manual, lantas mendedahkan mereka kepada masalah kekurangan pekerja yang berterusan yang telah melanda industri ini selama bertahun-tahun. Dari segi input pertanian, petani kecil lebih terdedah pada kos baja dan stok makanan ternakan (*feedstock*) yang turun naik. Mereka juga berhadapan dengan akses yang terhad kepada inovasi R&D, infrastruktur dan sokongan institusi (Arshad, 2016). Kekurangan daya keusahawanan memburukkan lagi kuasa rundingan mereka yang sedia lemah berbanding dengan peladang yang berskala besar dan orang tengah yang lain, seperti pengilang dan peniaga (Bank Dunia, 2019).

¹⁴ 'Risiko Perubahan Iklim dan Peluang: Respons Secara Berhemat', Laporan Tahunan BNM 2019.

¹⁵ Sumber: Bank Dunia dan pengiraan staf BNM.

¹⁶ Arshad (Februari 2016) menyatakan bahawa 97% daripada ladang buah-buahan dan sayur-sayuran, akuakultur dan ternakan dikendalikan oleh petani kecil, setakat tahun 2014.

¹⁷ Sebagai contoh, purata saiz ladang padi ialah 1.1 hektar; sayur-sayuran, 1.0 hektar dan buah-buahan, 0.7 hektar. Sumber: Asan, Ibrahim Ngah, dan Shri-Dewi (2018).

4. Penerapan teknologi baharu dan teknik pertanian pintar yang perlahan

Penerapan teknologi moden yang perlahan (contohnya pertanian menegak (*vertical farming*) dan Objek Rangkaian Internet (*Internet of Things*)), menyebabkan terlepasnya peluang untuk mencari penyelesaian yang berkesan bagi mengatasi ancaman yang ditimbulkan oleh perubahan iklim dan cabaran struktur yang dialami oleh petani kecil. Sebagai contoh, dengan mempunyai sistem pemantauan kelembapan tanah yang didorong oleh sensor dengan pengairan automatik, kemerosotan tumbuhan dan tanah dapat dihalang selain mengoptimumkan penggunaan air dan tenaga manusia. Walau bagaimanapun, sektor agromakanan dalam negeri ketinggalan dalam memanfaatkan sepenuhnya kelebihan yang ditawarkan oleh inovasi teknologi, disebabkan oleh kurang kesedaran, pemindahan pengetahuan yang tidak mencukupi kepada petani tempatan¹⁸ serta kekurangan modal untuk pemerolehan teknologi baharu dengan kos yang tinggi. Isu-isu ini khususnya meluas dalam kalangan petani kecil. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya penyertaan golongan belia dalam sektor pertanian. Golongan belia secara amnya lebih bersifat keusahawanan, celik teknologi dan berpendidikan¹⁹.

R6

Fenomena Cuaca Buruk Disebabkan oleh Pemanasan Global Dijangkakan Menjadi Lebih Kerap dan Lebih Melampau

Kekerapan peristiwa dalam senario pemanasan global yang berbeza
(Kekerapan setiap 10 tahun, berbanding iklim tanpa pengaruh manusia*)



Nota: *Kemungkinan ialah titik tengah sekitar julat, 0°C merujuk kepada tempoh 1850-1900

Sumber: Laporan Penilaian Keenam Panel Antara Kerajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (IPCC), 2021

¹⁸ IDEAS (2018), contohnya, menekankan bahawa petani bergelut untuk mencapai pengeluaran tahunan akibat ketidakpastian penyakit dan cuaca. Hal ini disebabkan oleh kesedaran dan pengetahuan yang rendah mengenai ketersediaan teknologi moden yang boleh membantu menangani cabaran ini.

¹⁹ KRI (2020) menyatakan bahawa pertanian dan perikanan merupakan sektor yang paling kurang digemari dalam kalangan belia kerana lebih separuh daripada pekerja muda tidak menganggap pertanian dan perikanan sebagai sektor yang sesuai untuk mereka.

Santapan minda: Pertimbangan dasar untuk meningkatkan ekosistem bekalan makanan

Walaupun berbeza-beza dari segi skala dan skop, banyak negara di dunia menghadapi cabaran sekuriti makanan dengan set penyelesaian sepadan yang berlainan. Di Malaysia, boleh dikatakan bahawa jurang utama terletak pada ekosistem bekalan. Campur tangan dari segi permintaan juga penting, terutamanya dalam membentuk pilihan terhadap pengambilan makanan yang berdasarkan standard pemakanan yang betul. Program kesedaran mengenai isu-isu kesihatan awam atau pembaziran makanan akan terus memberikan manfaat dalam mengubah keputusan berkaitan tingkah laku mengenai pengambilan pemakanan²⁰ yang berkhasiat. Dasar ekonomi yang lebih meluas yang mampu meningkatkan tahap pendapatan rakyat Malaysia secara mampan juga boleh memperkukuh keupayaan rakyat Malaysia secara keseluruhan untuk membeli makanan dari sumber tempatan dan luar negara. Bahagian ini menawarkan pertimbangan dasar yang bertujuan bukan sahaja untuk menangani sekuriti makanan tetapi juga membantu menambah baik rantaian bekalan makanan dari ladang ke pengguna, meningkatkan kesejahteraan petani dan pertumbuhan ekonomi.

(a) Himpunan sasaran dasar yang jelas dan menyeluruh

Sasaran sekuriti makanan perlu ditakrifkan dengan jelas dan mencerminkan realiti pemakanan semasa dan pada masa hadapan. Perkara ini dapat mengelakkan risiko ketidakpadanan dasar dan membantu untuk mendapatkan sokongan yang lebih mantap daripada pihak berkepentingan sektor swasta yang memainkan peranan penting dalam memodenkan dan mempelbagaikan sektor agromakanan. Penekanan yang berlebihan terhadap sara diri bagi pengeluaran beras perlu digantikan dengan penekanan terhadap keperluan nutrisi dan diubah ke arah pengeluaran makanan bukan beras yang lebih besar. Sebagai contoh, matlamat "30 by 30" di Singapura bertujuan untuk menghasilkan 30% keperluan pemakanannya di dalam negara menjelang tahun 2030. Selain itu, tumpuan yang lebih besar untuk menghasilkan sayur-sayuran, buah-buahan, protein haiwan dan produk ikan berpotensi menjana nilai ditambah yang lebih tinggi pada peringkat ladang, dengan kesan limpahan yang positif sepanjang rantaian bekalan makanan.

(b) Kepelbagaian sumber import makanan

Risiko penumpuan yang timbul daripada pergantungan pada beberapa pembekal luar terpilih boleh dikurangkan dengan mengukuhkan keupayaan pemerolehan global Malaysia. Agensi-agensi kerajaan yang terlibat perlu bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri untuk mengenal pasti sumber alternatif produk makanan daripada pelbagai pasaran, pengedar dan pemborong antarabangsa. Apabila berlakunya gangguan bekalan, perkara ini membolehkan pengimport dalam negeri bertindak segera untuk mendapatkan bekalan daripada pihak lain. Dalam hal ini, Malaysia perlu meneruskan dasar perdagangan yang liberal dan mengadakan lebih banyak perjanjian perdagangan serantau dan dua hala.

(c) Memanfaatkan potensi terpendam bagi meningkatkan pengeluaran agromakanan

Secara umumnya, Malaysia mengutamakan tanaman perindustrian (contohnya kelapa sawit, getah dan koko) berbanding dengan tanaman makanan (Arshad, 2007). Kesannya, Malaysia kurang mempelbagaikan campuran tanaman perladangannya, iaitu kelapa sawit mencakupi 70% daripada jumlah kawasan penanaman. Di ladang-ladang kelapa sawit yang sedia ada, pisang, ubi kayu dan nanas boleh dijadikan tanaman selingan yang bukan sahaja mengurangkan penggunaan baja dan racun herba tetapi juga membantu menstabilkan pendapatan petani. Tanah terbiar dan bangunan tinggal juga boleh digunakan untuk menanam pelbagai tanaman makanan. Hal ini berikutan kemajuan pesat dalam teknologi pertanian seperti pertanian hidroponik, pertanian dalam bangunan (*indoor farming*) dan pertanian menegak.

²⁰ Di Malaysia, Kementerian Kesihatan telah menyemak Garis Panduan Diet Malaysia pada tahun 2020 untuk memberikan penekanan terhadap pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran segar yang lebih banyak setiap hari berbanding dengan nasi dan produk bijirin lain.

(d) Meningkatkan keselamatan makanan secara keseluruhan

Bagi menangani skor GFSI yang rendah dalam aspek 'kualiti dan keselamatan', tumpuan yang berterusan perlu diberikan kepada peningkatan penggunaan amalan perkilangan baik (*good manufacturing practices*, GMP) dan pensijilan halal dalam pemprosesan dan penyediaan makanan. Pemeriksaan di lapangan yang lebih kerap dan ujian makmal bagi sampel makanan penting untuk memastikan protokol Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP) dipatuhi. Pembangunan rangkaian keupayaan rantai sejuk (*cold chain*) yang kukuh merangkumi logistik, penyimpanan dan pengedaran hasil segar juga sama penting. Inisiatif ini bukan sahaja akan meningkatkan kebersihan dan keselamatan makanan, tetapi juga mengurangkan pembaziran serta isu kekangan bekalan daripada ladang kepada pengguna dan meningkatkan nilai tambah keseluruhan merentas rantai bekalan.


(e) Meningkatkan produktiviti pertanian melalui peningkatan penggunaan teknologi

Meskipun saiz negara Belanda hanya 0.02% daripada jumlah keluasan tanah dunia (Malaysia: 0.2%), negara itu merupakan pengeksport makanan kedua terbesar di dunia. Sistem pengeluaran makanan negara tersebut merupakan hasil daripada penggunaan teknologi inovatif yang intensif dan penambahbaikan yang dibuat secara berterusan melalui R&D. Selain itu, Belanda memberikan penekanan yang kukuh dalam usaha mendidik dan melatih tenaga kerja pertaniannya. Sebaliknya, perbelanjaan R&D pertanian Malaysia secara relatif rendah (Rajah 7), dan lebih tertumpu pada tanaman industri seperti kelapa sawit. Oleh itu, Malaysia perlu mencontohi pendekatan negara Belanda untuk meningkatkan produktiviti dengan meluaskan akses petani kecil kepada teknologi baharu.

R7

Perbelanjaan Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Malaysia dalam Sektor Pertanian Secara Relatifnya Rendah

Perbelanjaan Dalam Negara Kasar bagi R&D dalam Pertanian sebagai sebahagian daripada KDNK Pertanian, (%)*



*Nota: Berdasarkan unit mata wang tempatan semasa (LCU). Merangkumi perbelanjaan R&D sektor awam dan swasta. Perbelanjaan R&D pada 2017 untuk semua negara, kecuali Filipina (2015) serta Korea Selatan, Costa Rica dan Malaysia (2018).

Sumber: Bank Dunia (2020), UNESCO, WDI

Khususnya, pertanian pintar iklim dan lestari yang memelihara air, kualiti tanah dan biodiversiti perlu diberikan galakan sepenuhnya. Sebagai contoh, petani Belanda komited untuk "*menghasilkan dua kali lebih banyak makanan dengan menggunakan separuh daripada sumber*"²¹. Memandangkan ancaman fizikal perubahan iklim kepada modal semula jadi²², pertumbuhan dan produktiviti pertanian pada masa hadapan akan semakin bergantung pada teknologi dan kurang bergantung pada faktor-faktor biasa pengeluaran seperti tanah dan pekerja. Dalam hal ini, pelaburan berterusan bagi teknologi pertanian yang mengoptimumkan sumber (contohnya sistem pengairan pintar dan dron) perlu diberikan penekanan. R&D juga perlu menjurus ke arah meningkatkan amalan pertanian yang mampan, meningkatkan daya tahan tanaman terhadap perubahan iklim dan penyakit serta peningkatan kadar hasil. Usaha ini dilengkapi dengan peranan sektor kewangan dan inisiatif sokongan kewangan yang berterusan (contohnya Kemudahan Agromakanan BNM) sebagai pemangkin kepada penerapan teknologi dalam kalangan PKS dan usahawan agro. Bagi memudahkan institusi kewangan menilai daya maju dan risiko yang berkaitan dengan projek pertanian, prinsip panduan dan kes penggunaan khusus yang berkaitan dengan penggunaan teknologi pintar iklim serta amalan lestari yang menyumbang kepada pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim juga telah dimasukkan dalam 'Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3).

(f) Meningkatkan pengeluaran dalam negeri bagi baja organik dan stok makanan ternakan


Pergantungan yang tinggi terhadap import baja dan makanan ternakan seperti jagung dan kacang soya merupakan salah satu hubungan lemah yang utama dalam ekosistem agromakanan dalam negeri. Di rantau Asia Pasifik, Malaysia merupakan negara pengguna baja yang intensif dan mengimport kuantiti yang besar bagi memenuhi keperluan pertaniannya (Rajah 8). Hal ini menyebabkan Malaysia mudah terkesan oleh turun naik harga baja dan melemahkan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan

R8

Malaysia merupakan Pengguna Baja yang Intensif, dan Importnya Mudah Terkesan dengan Pergerakan Harga Antarabangsa yang Tidak Menentu

Penggunaan baja di negara-negara terpilih, 2019


Kilogram per hektar tanah pertanian



Import baja di Malaysia dan Indeks Harga Baja

RM bilion

Indeks (2016=100)



Nota: Kandungan nutrien utama baja ialah nitrogen, fosforus, dan kalium

Sumber: FAOSTAT, Tabung Kewangan Antarabangsa dan Jabatan Perangkaan, Malaysia

²¹ Sumber: National Geographic (2017).

²² Modal semula jadi ditakrifkan sebagai stok aset semula jadi yang termasuk geologi, tanah, udara, air dan semua makhluk hidup (Sumber: World Forum on Natural Capital).

melalui peruntukan subsidi baja yang lebih tinggi kepada petani tempatan. Pembangunan ekonomi kitaran dalam industri kelapa sawit boleh membantu mengecilkan jurang ini, dengan penekanan yang lebih besar diberikan kepada penghasilan baja organik dan stok makanan ternakan menggunakan biojisim dan sisa kelapa sawit seperti pelepah, daun dan mil isirung.

(g) Menggalakkan pelaburan berkualiti dalam sektor agromakanan

Tarikan pelaburan yang berkualiti dalam industri agromakanan akan meningkatkan kompleksiti ekonomi dan mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi dalam sektor agromakanan. Sebagai contoh, di bawah rangka kerja Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations, NIA), pelaburan dalam segmen hulu (contohnya pertanian) atau hilir (contohnya pemprosesan) yang mempunyai jalinan bekalan yang luas dalam industri agromakanan dalam negeri akan dipromosikan bagi menggalakkan pemindahan pengetahuan dan mengukuhkan ekosistem bekalan secara keseluruhan. Satu aspek penting dalam pengoperasian NIA adalah dasar insentif pelaburan perlu beralih daripada terlalu memberikan tumpuan pada sektor tertentu kepada usaha menggalakkan aktiviti bernilai tinggi seperti R&D yang maju serta jentera dan peralatan yang canggih (contohnya robotik, dron dan teknologi berkaitan IR4.0).

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah menyerlahkan isu sekuriti makanan dan bagaimana isu ini terdedah pada gangguan rantaian bekalan di banyak negara, dengan perubahan iklim menimbulkan ancaman yang semakin meningkat terhadap daya tahannya pada masa hadapan. Di Malaysia, ekosistem bekalan makanan negara yang sedia ada telah terjejas lagi disebabkan oleh beberapa kelemahan struktur. Di samping kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan, Malaysia juga terdedah pada peristiwa iklim yang melampau dalam keadaan produktiviti yang rendah dan penggunaan teknologi baharu yang perlahan dalam industri agromakanan. Jika tidak diuruskan dengan baik, kelemahan ini boleh menjejaskan kecukupan makanan dan penetapan harga makanan semasa negara menghadapi kejutan. Sehubungan dengan itu, perhatian dasar dan langkah-langkah dari segi bekalan untuk mentransformasikan industri agromakanan perlu diambil dengan segera bagi mengecilkan jurang tersebut, seterusnya memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan saksama.

Rujukan

- Arvis, B., et al., (2020). 'Consequences of global climate change and their impacts on Europe — a view on agricultural commodities', Report for the European Environment Agency, Ramboll France, Aix-en-Provence.
- Bank Negara Malaysia (2019). 'Food Imports and the Exchange Rate: More Than Meets the Eye', Box Article in 3Q 2019 BNM Quarterly Bulletin. Kuala Lumpur.
- Bank Negara Malaysia (2020). 'Climate Change Risks and Opportunities: Respond, Not React', Feature Article in BNM Annual Report 2019. Kuala Lumpur.
- Committee on World Food Security. (2020). 'Impacts of COVID-19 on food security and nutrition: developing effective policy responses to address the hunger and malnutrition pandemic'.
- Fatimah Mohamed Arshad. (2016). 'Food Policy in Malaysia', Reference Module in Food Sciences. Elsevier, pp. 1–12.
- Fatimah Mohamed Arshad. (2016, February). 'My Say: Smallholders still crucial to agricultural sector', The Edge Weekly. Retrieved from: <https://www.theedgemarkets.com/article/my-say-smallholders-still-crucial-agricultural-sector>
- Hassan, Asan Ali Golam, Ibrahim Ngah, and Shri-Dewi Applanaidu. (2018). 'Agricultural Transformation in Malaysia: The Role of Smallholders and Area Development'.
- Institute for Democracy and Economic Affairs, IDEAS. (2018). 'Evaluation of Agricultural Subsidies and the Welfare of Rice Farmers'.
- J. Clapp. (2015). 'Food Security and International Trade: Unpacking Disputed Narratives', Rome: FAO. Background Paper for The State of Agricultural Commodity Markets 2015-2016.
- Jomo Kwame Sundaram and Tan Zhai Gen. (2019). 'Achieving Food Security for all Malaysians', Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute.
- Khazanah Research Institute, KRI. (2020). 'Agriculture Exodus? Insights from youth aspirations'.
- McKinsey Global Institute. (2020). 'Will the world's breadbaskets become less reliable?' Retrieved from: <https://www.mckinsey.com/business-functions/sustainability/our-insights/will-the-worlds-breadbaskets-become-less-reliable>
- Sabirzyanov, R. et. al. (2021). The Role of Food Price Ceilings versus Food Price Coupons in Mitigating the Impact of Food Price Inflation.
- Viviano, F. (2017, September). 'How the Netherlands Feeds the World', National Geographic. Retrieved from: <https://www.nationalgeographic.com/magazine/article/holland-agriculture-sustainable-farming>
- World Bank. (2019). 'Agricultural Transformation and Inclusive Growth: The Malaysian Experience', The Malaysia Development Experience Series. World Bank, Washington, DC.
- World Bank. (2020). 'Sowing the Seeds', Malaysia Economic Monitor (December), World Bank, Washington, DC.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Sorotan


- Pasaran ekuiti bertambah baik manakala kadar hasil MGS meningkat dan ringgit menyusut nilai sedikit berbanding dengan dolar AS.
- Kadar faedah nominal secara amnya kekal stabil pada suku ketiga.
- Pembiayaan bersih terus menyokong kegiatan ekonomi.

Pasaran kewangan domestik terjejas berikutan meningkatnya ketidakpastian berkaitan dengan prospek pertumbuhan global

Pasaran kewangan domestik terjejas oleh ketidakpastian yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan global pada suku ketiga tahun 2021. Hal ini berpunca terutamanya daripada perkembangan pasaran kewangan di China, gangguan rantai bekalan yang berterusan dan berlakunya kekurangan tenaga yang meruncing dalam beberapa ekonomi utama. Selain itu, penjelasan Federal Reserve AS bahawa program pembelian asetnya akan mula dikurangkan menjelang akhir tahun ini turut menyebabkan kadar hasil bon global kembali kepada trajektori menaik selepas terhenti buat seketika pada suku kedua berikutan kebimbangan berkaitan dengan prospek ekonomi AS yang lebih lemah akibat kemunculan varian Delta COVID-19.

R20

Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding Dolar AS



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Reuters

Menjelang akhir suku ketiga, faktor dalam negeri memberikan sedikit sokongan kepada sentimen pelabur disebabkan oleh perkembangan pesat program pemberian vaksin yang membolehkan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur, sekali gus menyebabkan prospek ekonomi bertambah baik.

Perkembangan ini kemudiannya dicerminkan dalam pasaran bon domestik. Kadar Hasil MGS 3 tahun meningkat sebanyak 20.7 mata asas, manakala kadar hasil MGS 5 tahun meningkat sebanyak 38.1 mata asas. Sementara itu, kadar hasil MGS 10 tahun mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 9.6 mata asas pada tempoh tersebut, berbanding dengan 42.0 mata asas antara pertengahan bulan Februari hingga bulan Mac 2021 berikutan kesan limpahan daripada pasaran Perbendaharaan AS.

Dalam pasaran pertukaran asing, ringgit menyusut nilai sebanyak -0.8% berbanding


dengan dolar AS (S2 2021: +0.1%). Seajar dengan mata wang serantau, pengukuhan dolar AS secara meluas terus menjejaskan prestasi ringgit sepanjang suku tersebut. Walau bagaimanapun, prospek ekonomi dalam negeri yang bertambah baik dan harga komoditi yang lebih tinggi telah memberikan sedikit sokongan kepada ringgit.

Pasaran ekuiti domestik bertambah baik berikutan pelonggaran sekatan COVID-19 yang menyumbang kepada prospek pertumbuhan yang lebih baik. FBM KLCI ditutup tinggi sedikit pada 1,537.8 mata (+0.3%) pada akhir bulan September 2021 (akhir bulan Jun: 1,532.6 mata). Bulan Ogos 2021 terutamanya merupakan bulan pertama aliran masuk asing bersih ke dalam pasaran ekuiti domestik (+RM1.0 bilion)¹¹ berbanding jualan bersih oleh pelabur asing selama 25 bulan berturut-turut sebelum itu (sejak bulan Julai 2019). Trend aliran masuk bersih oleh bukan pemastautin ke dalam pasaran ekuiti juga berterusan pada bulan September.

¹¹ Sumber: Bursa Malaysia

R21


Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

R22

Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar faedah nominal secara amnya kekal stabil pada suku ketiga


Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku ketiga. Kadar tanda aras KLIBOR 3 bulan stabil pada 1.93% (S2 2021: 1.94%), manakala kadar asas (*base rate*, BR) tidak berubah pada 2.43% (S2 2021: 2.43%). Kadar pinjaman purata (*average lending rate*,

ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul secara amnya kekal stabil pada 3.87% (S2 2021: 3.89%).

Kadar deposit tetap (*fixed deposit*, FD) nominal juga stabil pada suku tersebut, merentas tempoh matang 1 hingga 12 bulan. Pada suku ketiga, kadar FD benar¹⁰ mencatatkan nilai negatif yang lebih kecil, mencerminkan jangkaan inflasi yang sederhana.


R23

Kadar Faedah (pada akhir tempoh)



— Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran
— Kadar Dasar Semalaman (OPR)
— KLIBOR 3 bulan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg dan Consensus Economics



— Kadar deposit tetap (FD) benar 3 bulan
— Kadar deposit tetap (FD) benar 12 bulan

¹⁰ Kadar deposit benar dikira dengan mengambil perbezaan antara kadar deposit tetap nominal dengan jangkaan inflasi. Jangkaan inflasi diukur sebagai kadar jangkaan purata inflasi bagi tempoh 12 bulan yang akan datang (berdasarkan data daripada *Consensus Economics*). Pengukuran ini dianggarkan melalui kadar purata unjuran bagi kalendar tahun semasa dan kalendar bagi tahun hadapan, dengan wajaran diberikan mengikut bahagian mereka dalam tempoh unjuran 12 bulan tersebut. Kaedah pengukuran ini sebanding dengan penggunaan unjuran berdasarkan tempoh tetap seperti yang terdapat dalam penulisan akademik, termasuk oleh Dovern et al. (2012) dan Siklos (2013).

Mudah tunai sistem perbankan terus mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan


Mudah tunai dalam sistem perbankan terus mencukupi pada peringkat institusi dan keseluruhan sistem bagi memudahkan aktiviti pengantaraan kewangan. Mudah tunai terkumpul yang ditempatkan di Bank

menurun sedikit pada suku ketiga, disebabkan terutamanya oleh jumlah mata wang dalam edaran yang lebih tinggi. Hal ini mencerminkan peningkatan permintaan terhadap wang tunai pada suku tersebut berikutan pembukaan semula ekonomi. Pada peringkat institusi, hampir semua institusi perbankan mengekalkan kedudukan lebih mudah tunai dengan Bank pada akhir bulan September 2021.

R24

Mudah Tunai Ringgit Tercukupi di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)

RM bilion



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih terus menyokong kegiatan ekonomi

Pada akhir suku ketiga 2021, pembiayaan bersih berkembang pada asas tahunan sebanyak 3.9% (S2 2021: 4.4%). Peningkatan yang sederhana ini mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah dalam pinjaman terkumpul¹¹ (2.9%; S2 2021: 3.6%) dan bon korporat terkumpul¹² (6.5%; S2 2021: 6.9%).

Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi lebih sederhana (3.2%; S2 2021: 5.3%), selaras dengan perkembangan yang lebih perlahan bagi semua tujuan pinjaman, disebabkan terutamanya oleh pelanjutan langkah kawalan pergerakan di seluruh negara yang diperkenalkan semula pada bulan Jun. Permohonan¹³ pinjaman isi rumah (RM114.4 bilion; S2 2021: RM151.8 bilion) dan pengeluaran pinjaman isi rumah (RM75.3 bilion; S2 2021: RM82.8 bilion) mencatat penurunan pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, tahap permohonan dan pengeluaran pinjaman isi rumah bertambah baik pada bulan September, dengan


mencatatkan peningkatan secara menyeluruh bagi semua tujuan pinjaman, susulan pelonggaran sekatan pergerakan secara beransur-ansur.

Bagi segmen perniagaan, pinjaman perniagaan terkumpul berkembang sebanyak 2.4% (S2 2021: 1.3%), disokong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi pinjaman modal kerja¹⁴ (4.6%; S2 2021: 1.5%). Pengeluaran bagi pinjaman modal kerja kekal tinggi pada suku tersebut (RM205.0 bilion; S2 2021: RM203.8 bilion; purata 2017-19: RM158.7 bilion), berikutan pengeluaran daripada kemudahan kredit sedia ada dan permintaan¹⁵ pinjaman yang berterusan (RM41.5 bilion; S2 2021: RM38.7 bilion). Hal ini telah menyokong keperluan pembiayaan perniagaan pada tempoh tersebut. Mengikut sektor, peningkatan dalam pertumbuhan pinjaman terkumpul didorong terutamanya oleh sektor perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel, serta sektor perkilangan, sejajar dengan penerusan semula aktiviti perniagaan berikutan pembukaan semula ekonomi.

R25

Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih

Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



* Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin
Sumber: Bank Negara Malaysia

¹¹ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

¹² Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

¹³ Pinjaman daripada sistem perbankan sahaja.

¹⁴ Klasifikasi pinjaman perniagaan berdasarkan tujuan hanya tersedia untuk sistem perbankan.

¹⁵ Berdasarkan permohonan pinjaman untuk modal kerja (pinjaman sistem perbankan sahaja).

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

Sorotan

- Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) pada 1.75% semasa mesyuarat MPC pada bulan September dan November 2021. MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif.
- Langkah-langkah fiskal dan kewangan juga akan terus mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah serta memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Dasar monetari kekal akomodatif

Pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (*Monetary Policy Committee, MPC*) pada bulan September dan November 2021, Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate, OPR*) dikekalkan pada 1.75%.

MPC menilai bahawa ekonomi global terus berada pada landasan pemulihan, disokong oleh pengembangan aktiviti perkilangan dan perkhidmatan. Inflasi juga telah meningkat dalam keadaan permintaan global yang terus kukuh, gangguan rantaian bekalan, harga komoditi yang lebih tinggi dan kekurangan tenaga kerja. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan global akan disokong oleh kemajuan selanjutnya liputan pemberian vaksin dan pelonggaran langkah-langkah pembendungan. Dasar fiskal dan monetari yang besar dalam beberapa ekonomi utama akan terus menyokong momentum pemulihan. Secara keseluruhan, imbalan risiko terhadap prospek pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. Hal ini disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian berhubung dengan munculnya varian baharu yang membimbangkan, risiko gangguan rantaian bekalan global yang berlanjutan dan potensi risiko volatiliti pasaran kewangan yang ketara berikutan pelarasan dasar monetari ekonomi utama.

Bagi Malaysia, kegiatan ekonomi menjadi lebih lemah pada suku ketiga berikutan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan di seluruh negara bagi mengekang penularan semula kes COVID-19. Walau bagaimanapun, selaras dengan pelonggaran sekatan, penunjuk berfrekuensi tinggi menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi telah pulih daripada paras terendah pada bulan Julai 2021. Menjelang tahun 2022,

momentum pertumbuhan dijangka semakin baik, disokong oleh pengembangan permintaan global, perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi sejajar dengan penyambungan semula kegiatan ekonomi dan sokongan dasar yang berterusan. Walau bagaimanapun, prospek risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh faktor luaran dan dalam negeri. Hal ini termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, gangguan rantai bekalan yang semakin teruk dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan akibat kesan varian baharu COVID-19 yang membimbangkan.

Sejajar dengan penilaian sebelum ini, purata inflasi keseluruhan dijangka berada dalam unjuran julat antara 2.0% dan 3.0% pada tahun 2021, setelah mencatatkan purata sebanyak 2.3% sejak awal tahun hingga kini. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka berpurata bawah 1.0% pada tahun 2021. Menjelang tahun 2022, inflasi keseluruhan diunjurkan kekal sederhana.

Apabila kegiatan ekonomi kembali normal, inflasi teras dijangka meningkat sedikit namun masih rendah berikutan lebih kapasiti yang berterusan dalam ekonomi dan pasaran pekerja. Walau bagaimanapun, prospek ini terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global dan beberapa risiko daripada gangguan berkaitan bekalan yang berlanjutan.

MPC menyifatkan pendirian dasar monetari adalah wajar dan akomodatif. Selain itu, langkah-langkah fiskal dan monetari akan terus mengurangkan kesan ekonomi terhadap perniagaan dan isi rumah serta memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi. Berikutan keadaan pandemik yang tidak menentu, pendirian dasar monetari akan terus ditentukan oleh data dan maklumat baharu serta kesannya kepada prospek keseluruhan inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Bank Negara Malaysia terus komited untuk menggunakan alat-alat dasarnya yang bersesuaian bagi mewujudkan keadaan yang menyokong pemulihan ekonomi yang berterusan.

Sorotan dasar lain pada suku ketiga 2021

Sorotan dasar	Butiran penting
Dokumen Dasar berhubung dengan Perlindungan Tenang	- Dokumen Dasar yang diterbitkan pada 2 Julai 2021 menetapkan kriteria kelulusan, keperluan pengawalseliaan dan fleksibiliti operasi yang diberikan di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang. - Rangka kerja Perlindungan Tenang ini menggariskan keperluan yang terpakai untuk penyelesaian insurans dan takaful yang disasarkan kepada keperluan segmen pengguna yang tidak atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. - Dokumen Dasar ini memperkenalkan penambahbaikan kepada keperluan sedia ada yang diperkenalkan pada tahun 2017 untuk menyediakan rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai-untuk-tujuan (<i>fit-for-purpose</i>) bagi produk-produk Perlindungan Tenang. Penambahbaikan tersebut – - meluaskan skop produk insurans mikro dan takaful mikro yang layak dengan keperluan yang lebih teguh terhadap pembangunan produk; - memberikan lebih fleksibiliti dalam pengedaran produk Perlindungan Tenang untuk mengurangkan kos pengedaran dan meningkatkan pengambilan; dan - menguatkan lagi keperluan perlindungan pengguna untuk menjaga kepentingan mereka.
Dokumen Dasar berhubung dengan Perancangan Pemulihan	- Dokumen Dasar yang diterbitkan pada 28 Julai 2021 menggariskan keperluan Bank terhadap pembangunan dan penyelenggaraan pelan pemulihan oleh institusi perbankan berlesen dan syarikat pemegangan kewangan mereka. - Institusi kewangan dikehendaki mengenal pasti dan merancang untuk melaksanakan beberapa pilihan pemulihan semula untuk memulihkan daya maju jangka panjang mereka di bawah pelbagai peristiwa idiosinkratik (<i>idiosyncratic</i>) dan tekanan seluruh sistem. Pelan pemulihan bertujuan untuk memastikan institusi kewangan bersedia untuk memulihkan daya maju mereka semasa tempoh tekanan tanpa kemungkinan campur tangan dasar oleh pihak berkuasa, atau akses kepada sebarang sokongan kewangan yang luar biasa daripada dana awam. - Maklumat dan penilaian yang terkandung dalam pelan pemulihan juga akan menjadi input penting bagi Perbadanan Insurans Deposit Malaysia untuk menambah baik kemampuan penyelesaian institusi anggota dan mengendalikan pelan penyelesaian yang boleh dilaksanakan dan diyakini.
Dokumen Dasar berhubung dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan	- Diterbitkan pada 11 Ogos 2021, Dokumen Dasar yang disemak semula menggariskan kadar rujukan standard bagi seluruh industri, yang akan dikenali sebagai Kadar Asas Standard (Standardised Base Rate, SBR), untuk digunakan oleh semua penyedia perkhidmatan kewangan (<i>financial service providers</i>, FSP) bagi penetapan harga pinjaman kadar terapan runcit yang baharu. - SBR, yang dikaitkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), akan – - menjadi lebih telus dan menambah baik perbandingan produk pinjaman merentas FSP untuk pengguna; - memudahkan pengguna memahami perubahan dalam bayaran balik pinjaman mereka; dan - memudahkan pelaksanaan dasar monetari yang berkesan. - Dokumen Dasar ini akan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2022.

Sorotan dasar lain pada suku ketiga 2021

Dokumen Dasar berhubung dengan Perkhidmatan Pemeroleh Saudagar	• Diterbitkan pada 15 September 2021, Dokumen Dasar ini menetapkan keperluan yang mesti dipatuhi oleh pemeroleh saudagar berhubung dengan tadbir urus, pengurusan risiko, teknologi maklumat dan pengurusan operasi. • Dokumen Dasar ini bermatlamat untuk menggalakkan keselamatan dan kebolehpercayaan perkhidmatan pemeroleh saudagar dan seterusnya menyumbang ke arah menggalakkan keyakinan orang ramai terhadap penggunaan instrumen pembayaran. • Dokumen Dasar ini berkuat kuasa mulai 15 Mac 2022, dengan peralihan yang lebih panjang sedikit dalam sesetengah bidang untuk pemeroleh saudagar bukan bank.
Dokumen Dasar berhubung dengan MYOR dan Penetapan Kadar KLIBOR	• Dokumen Dasar ini diterbitkan pada 24 September 2021, sempena pelancaran Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) sebagai kadar rujukan alternatif untuk Malaysia. - o Dokumen Dasar berhubung dengan MYOR menetapkan reka bentuk, kaedah dan rangka kerja tadbir urus penanda aras untuk memastikan integriti dan kredibiliti MYOR. - o Dokumen Dasar berhubung dengan Penetapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) menetapkan keperluan dan rangka kerja tadbir urus untuk penyumbang KLIBOR bagi memastikan ketepatan, kredibiliti dan integriti proses penetapan kadar KLIBOR. • MYOR yang berdasarkan transaksi semalaman dalam pasaran antara bank akan berjalan selari dengan KLIBOR yang sedia ada, dengan semakan berkala untuk memastikan kadar penanda aras terus mantap dan mencerminkan pasaran asas. Ketersediaan dua kadar penanda aras kewangan memberikan peserta pasaran fleksibiliti untuk memilih mana-mana kadar sebagai kadar rujukan untuk penetapan harga instrumen kewangan.

Tinjauan Makroekonomi

Sorotan

- Pertumbuhan global dijangka bertambah baik pada tahun 2021 tetapi pada kadar pertumbuhan yang lebih perlahan menjelang akhir tahun.
- Ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik menjelang tahun 2022 susulan pembukaan semula ekonomi.
- Inflasi keseluruhan diunjurkan kekal sederhana pada tahun 2022.

Momentum pemulihan ekonomi global lebih perlahan pada tahun 2021

Dalam penerbitan *World Economic Outlook* (WEO) pada bulan Oktober, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyamak semula unjuran pertumbuhan globalnya daripada 6.0% kepada 5.9% untuk tahun 2021. Unjuran ini menurun sedikit berbanding dengan unjuran yang diterbitkan dalam WEO pada bulan Julai. Semakan semula ini mencerminkan prospek yang lebih lemah dalam ekonomi maju, sebahagiannya disebabkan oleh penularan semula kes COVID-19 yang menjejaskan permintaan dalam negeri serta gangguan bekalan yang berterusan dalam sektor perkilangan. Prospek pertumbuhan bagi beberapa ekonomi sedang pesat membangun disamak semula kepada kadar yang lebih tinggi, mencerminkan keadaan permintaan yang bertambah baik dan manfaat yang diperoleh pengeksport komoditi daripada pemulihan dalam permintaan serta harga yang lebih tinggi.

Kemajuan pelaksanaan pemberian vaksin terus menjadi pemacu utama pemulihan pertumbuhan. Kadar pemberian vaksin yang lebih tinggi dalam ekonomi maju, berbanding dengan ekonomi sedang pesat membangun tidak termasuk China, memberikan lebih banyak fleksibiliti kepada ekonomi maju untuk membuka semula ekonomi dan menyambung kembali kegiatan ekonomi lebih awal. Banyak ekonomi maju juga telah memperkenalkan pemberian vaksin penggalak terutamanya untuk kumpulan berisiko, berikutan meningkatnya kes penularan yang disebabkan oleh varian yang mempunyai kadar jangkitan yang tinggi. Perkembangan ini, bersama-sama dengan sokongan fiskal yang berterusan menguatkan jangkaan ekonomi maju akan kembali pulih untuk

baki tempoh tahun 2021. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, aktiviti perdagangan yang berterusan dan pemulihan dalam permintaan dalam negeri dijangka menyokong pertumbuhan. Walau bagaimanapun, terdapat kemungkinan bahawa pertumbuhan akan terus terjejas susulan langkah-langkah pembendungan setempat dan beberapa sekatan pengeluaran. Hal ini berpunca daripada keupayaan penjagaan kesihatan yang terus tertekan disebabkan oleh kes-kes jangkitan yang teruk berikutan pelaksanaan program pemberian vaksin yang lebih perlahan berbanding dengan ekonomi maju. Prospek pertumbuhan di China dijangka terus terjejas akibat gangguan bekalan tenaga yang berterusan dan aktiviti pelaburan awam yang lebih rendah daripada jangkaan.

Imbangan risiko terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan. COVID-19 merupakan punca utama risiko pertumbuhan yang lebih perlahan ini. Risiko lain termasuk gangguan bekalan global yang lebih teruk dan berlarutan yang mendorong kepada tekanan harga yang lebih tinggi, serta pengembalian dasar pada tahap wajar yang lebih cepat daripada jangkaan. Sebaliknya, potensi terhadap pertumbuhan yang lebih pantas boleh berpunca daripada perkembangan pelaksanaan pemberian vaksin yang lebih cepat dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik susulan kegiatan ekonomi yang kembali normal

Bagi tahun 2021, ekonomi Malaysia kekal pada landasan untuk mencapai unjuran pertumbuhan sebanyak 3.0% - 4.0%. Pelonggaran secara berperingkat bagi pembukaan semula lebih banyak sektor ekonomi baru-baru ini, di samping tahap penyesuaian yang lebih tinggi oleh syarikat terhadap persekitaran operasi baharu dan sokongan dasar yang berterusan, sebahagiannya mengurangkan kesan yang disebabkan oleh langkah-langkah

pembendungan di seluruh negara pada suku ketiga. Seterusnya, kejayaan pelaksanaan program pemberian vaksin, yang telah menyebabkan keadaan kesihatan bertambah baik, membolehkan sektor ekonomi dibuka semula secara berperingkat dengan selamat, lantas mendorong ekonomi untuk terus berada pada landasan pemulihannya.

Menjelang tahun 2022, momentum pertumbuhan yang positif dijangka bertambah baik. Ekonomi dapat meraih manfaat daripada pengembangan permintaan global, perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi sejajar dengan penyambungan semula kegiatan ekonomi dan sokongan dasar yang berterusan.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang lebih perlahan disebabkan oleh faktor luaran dan dalam negeri. Hal ini termasuk pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, gangguan rantaian bekalan yang semakin teruk, dan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan disebabkan oleh kesan daripada varian baharu COVID-19 yang membimbangkan.

Inflasi diunjurkan kekal sederhana pada tahun 2022

Pada tahun 2021, purata inflasi keseluruhan dijangka berada dalam julat unjuran antara 2.0% hingga 3.0%.¹⁶ Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka berpurata bawah 1.0% pada tahun 2021.

Menjelang tahun 2022, inflasi keseluruhan diunjurkan kekal sederhana. Apabila kegiatan ekonomi kembali normal, inflasi teras dijangka meningkat sedikit namun masih rendah berikutan keadaan lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi dan dalam pasaran pekerja. Walau bagaimanapun, prospek terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global dan beberapa risiko daripada gangguan berkaitan bekalan yang berlanjutan.

¹⁶ Purata inflasi keseluruhan diunjurkan lebih tinggi pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 disebabkan terutamanya oleh faktor dorongan kos susulan harga minyak global yang lebih tinggi. Sejak awal tahun 2021 sehingga kini, purata inflasi keseluruhan adalah pada 2.3%.

Tambahan



	Bahagian 2020 (%)	2020		2021		
		S3	S4	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	93.8	-3.3	-4.5	-1.0	12.4	-4.1
Sektor swasta	75.2	-4.0	-4.0	-0.9	13.0	-4.4
<i>Penggunaan</i>	59.5	-2.1	-3.5	-1.5	11.7	-4.2
<i>Pelaburan</i>	15.7	-10.8	-6.6	1.3	17.4	-4.8
Sektor awam	18.6	0.1	-5.7	-1.5	9.7	-2.8
<i>Penggunaan</i>	13.4	6.8	2.4	5.9	9.0	8.1
<i>Pelaburan</i>	5.2	-13.1	-20.4	-18.6	12.0	-28.9
Eksport Bersih	6.5	19.2	10.0	0.8	34.3	-37.5
<i>Eksport Barangan dan Perkhidmatan</i>	61.5	-4.9	-2.1	11.9	37.4	5.1
<i>Import Barangan dan Perkhidmatan</i>	55.0	-7.9	-3.3	13.0	37.6	11.7
KDNK Benar	100.0	-2.7	-3.4	-0.5	16.1	-4.5
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	-	17.3	-1.5	2.7	-1.9	-3.6

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	Bahagian 2020 (%)	2020					2021		
		S1	S2	S3	S4	Tahun	S1	S2	S3
		Pertumbuhan tahunan (%)							
Perkhidmatan	57.7	3.1	-16.2	-4.0	-4.8	-5.5	-2.3	13.5	-4.9
Perkilangan	22.9	1.4	-18.3	3.3	3.0	-2.6	6.6	26.6	-0.8
Pertanian	7.4	-8.6	0.9	-0.3	-1.0	-2.2	0.2	-1.5	-1.9
Perlombongan	6.8	-2.9	-20.8	-7.8	-10.4	-10.6	-5.0	13.9	-3.6
Pembinaan	4.0	-7.9	-44.5	-12.4	-13.9	-19.4	-10.4	40.3	-20.6
KDNK Benar	100.0	0.7	-17.2	-2.7	-3.4	-5.6	-0.5	16.1	-4.5

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

	2020		2021		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Akaun Semasa	24.8	18.6	12.3	14.4	11.6
(% daripada KDNK)	6.7	4.9	3.3	3.9	3.1
Barangan	41.5	42.6	36.6	40.7	41.2
Perkhidmatan	-13.4	-14.0	-15.0	-15.4	-15.2
Pendapatan primer	-10.4	-7.2	-5.7	-9.5	-11.3
Pendapatan sekunder	7.2	-2.7	-3.6	-1.4	-3.1
Akaun Kewangan	-31.1	-10.2	16.0	-7.0	22.8
Pelaburan langsung	-2.2	1.6	1.4	4.2	17.6
Aset	-9.1	-4.2	-9.1	-8.7	-4.7
Liabiliti	6.9	5.8	10.5	12.9	22.2
Pelaburan portfolio	-20.3	-7.1	0.4	20.0	-4.3
Aset	-20.8	-19.9	-14.2	-10.6	-5.2
Liabiliti	0.5	12.8	14.6	30.5	0.9
Derivatif kewangan	-0.5	-0.9	0.3	-0.6	0.7
Pelaburan lain	-8.2	-3.7	13.9	-30.5	8.8
Kesilapan dan ketinggalan bersih ²	4.8	-11.0	-10.9	-2.6	-13.0
Imbangan Keseluruhan	-1.6	-2.6	17.1	4.7	21.3

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin.

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing.

¹ Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

² Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020	2021	
	akhir Sep	akhir Jun	akhir Sep
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	956.3	1,020.7	1,057.0
<i>Bersamaan USD bilion</i>	<i>227.7</i>	<i>245.7</i>	<i>252.3</i>
Mengikut instrumen			
Bon dan nota ¹	177.2	196.8	200.4
Peminjaman antara bank ¹	190.2	187.6	176.1
Pinjaman antara syarikat berkaitan ¹	129.9	129.9	140.2
Pinjaman ¹	77.3	75.2	76.0
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	206.4	244.8	248.9
Deposit bukan pemastautin	93.6	93.5	96.4
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR) IMF	7.9	8.0	28.6
Lain-lain ²	73.8	84.8	90.5
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	586.1	634.9	666.5
Jangka pendek	370.2	385.8	390.5
Denominasi mata wang			
Ringgit	315.0	358.2	367.1
Asing	641.3	662.5	689.9
Jumlah hutang / KDNK (%)	66.7	68.5	70.5
Hutang jangka pendek / Jumlah hutang (%)	38.7	37.8	36.9
Rizab / Hutang jangka pendek (kali)	1.2	1.2	1.2 ³

¹ Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.

² Terdiri daripada kredit perdagangan dan liabiliti hutang lain.

³ Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Oktober 2021.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	42.4	24.0	33.6	15.9	29.3	4.6	4.4	4.7	4.4	3.9
Terkumpul:										
Pinjaman ^{1,2}	30.4	7.6	24.5	7.4	18.6	4.7	3.7	4.3	3.6	2.9
Perusahaan perniagaan	-3.7	-4.0	13.1	3.5	3.8	2.9	0.9	1.6	1.3	2.4
PKS ³	12.5	1.0	3.9	0.0	4.7	1.6	9.6	10.0	6.0	3.2
Bukan PKS	-16.2	-5.0	9.2	3.4	-0.9	4.0	-5.2	-4.3	-2.2	1.8
Isi rumah	33.9	14.4	7.8	4.3	10.6	5.6	5.4	6.0	5.3	3.2
Bon korporat ⁴	12.0	16.4	9.2	8.5	10.7	4.3	6.5	5.9	6.9	6.5

¹ Pinjaman daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.

³ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan. Antara bulan Januari 2018 hingga bulan Disember 2019, jumlah bersih sebanyak RM60.4 bilion daripada pinjaman terkumpul PKS dikelaskan semula sebagai pinjaman terkumpul bukan PKS. Sebanyak RM38.3 bilion telah dikelaskan semula pada suku keempat 2019.

⁴ Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021			2020		2021		
	S3	S4	S1	S2	S3	S3	S4	S1	S2	S3
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman ¹	234.3	224.3	220.6	243.2	200.9	1.9	-0.5	11.9	44.7	-14.3
Kelulusan pinjaman ¹	98.0	102.0	89.9	98.7	89.5	-7.9	-1.2	3.5	48.1	-8.6
Pengeluaran pinjaman ²	303.7	331.4	361.2	357.2	356.8	-4.4	-1.0	14.5	36.0	17.5
Bayaran balik pinjaman ²	286.1	332.8	355.9	366.4	353.9	-9.1	2.7	11.3	43.5	23.7
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan³										
Permohonan pinjaman	83.4	82.8	80.7	91.3	86.4	-21.7	-22.2	-12.7	-5.4	3.6
Kelulusan pinjaman	38.3	42.4	35.6	38.8	46.7	-21.2	-14.6	-14.1	-7.2	21.8
Pengeluaran pinjaman	204.6	231.9	267.4	274.3	281.5	-8.8	-2.0	18.5	33.6	37.6
Bayaran balik pinjaman	209.9	238.2	258.8	276.6	276.8	-6.4	3.1	17.5	37.7	31.9
PKS⁴										
Permohonan pinjaman	42.1	43.7	39.4	47.0	38.4	-18.8	-14.3	-16.9	-1.6	-8.7
Kelulusan pinjaman	15.0	17.8	15.2	17.7	15.2	-13.6	-0.6	7.1	18.5	1.3
Pengeluaran pinjaman	63.7	73.3	77.6	76.3	73.7	-12.5	3.2	22.2	35.5	15.8
Bayaran balik pinjaman	55.3	71.8	73.7	77.4	72.2	-26.1	-3.7	11.9	51.4	30.7
Bukan PKS³										
Permohonan pinjaman	41.4	39.0	41.3	44.4	48.0	-24.4	-29.5	-8.2	-9.0	16.1
Kelulusan pinjaman	23.3	24.6	20.4	21.1	31.4	-25.4	-22.5	-25.2	-21.5	35.1
Pengeluaran pinjaman	140.9	158.7	189.8	198.0	207.8	-7.0	-4.2	17.0	32.9	47.5
Bayaran balik pinjaman	154.7	166.4	185.1	199.2	204.6	3.5	6.3	19.9	33.1	32.3
Isi Rumah										
Permohonan pinjaman	150.9	141.6	139.9	151.8	114.4	22.2	18.8	33.7	112.2	-24.2
Kelulusan pinjaman	59.7	59.6	54.4	59.8	42.8	3.3	11.2	19.6	141.4	-28.2
Pengeluaran pinjaman	99.1	99.5	93.8	82.8	75.3	5.9	1.3	4.7	44.5	-24.0
Bayaran balik pinjaman	76.1	94.6	97.1	89.8	77.1	-16.0	1.8	-2.5	64.7	1.2

¹ Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan sahaja.

² Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merujuk data sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP). Berkuat kuasa 1 April 2020, suatu moratorium telah dilaksanakan secara automatik untuk bayaran balik pinjaman / pembiayaan oleh peminjam isi rumah dan PKS untuk tempoh enam bulan.

³ Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.

⁴ Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang telah dilakukan oleh institusi kewangan.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021		
	S3	S4	S1	S2	S3 ^a
Pulangan atas ekuiti (%) ¹	9.1	8.4	8.3	9.7	9.5
Pulangan atas aset (%) ¹	1.1	1.0	0.9	1.1	1.1
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	13,516	13,903	14,175	14,630	13,711
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,851	3,154	3,190	2,837	2,903
Tolak: Kos operasi ²	8,460	8,828	11,442	8,998	8,757
Keuntungan operasi kasar	7,906	8,229	5,922	8,469	7,857
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	3,275	5,930	1,544	2,140	2,667
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	4,631	2,299	4,378	6,328	5,189
Campur: Pendapatan lain	3,602	3,944	2,884	4,708	4,568
Untung sebelum cukai¹	8,224	5,444	7,097	9,601	7,824
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti (mata peratusan) ¹	-3.2	-3.8	-1.8	0.8	0.4
Pulangan atas aset (mata peratusan) ¹	-0.34	-0.42	-0.2	0.1	0.03
Pendapatan faedah bersih	6.4	6.0	11.6	45.4	1.4
Campur: Pendapatan berasaskan fi	6.8	-2.5	23.5	22.9	1.8
Tolak: Kos operasi ²	-1.9	-3.5	32.9	9.9	3.5
Keuntungan operasi kasar	17.2	14.3	-11.2	102.7	-0.6
Tolak: Peruntukan jejas nilai ³ dan lain-lain	299.4	15,627.1 ⁴	-44.1	-10.9	-18.6
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	-21.8	-67.9	12.0	256.2	12.1
Campur: Pendapatan lain	-16.3	6.8	-37.9	-24.6	26.8
Untung sebelum cukai¹	-19.1	-44.2	-14.4	47.4	-4.9

¹ Keuntungan sistem perbankan teragregat pada peringkat entiti. Mulai 2019, hasil teragregat seterusnya dilaraskan bagi pendapatan dividen yang diterima daripada subsidiari perbankan domestik (sebelum ini ditambah pada peringkat induk dan subsidiari). Perbezaan angka-angka sebelum cukai secara perbandingan yang dilaporkan dalam Buletin Suku Tahunan sebelum ini dianggarkan dalam julat antara 5.5% dan 10.7%.

² Merujuk kos kakitangan dan overhead.

³ Merujuk Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan, Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Tidak Terjejas Kredit dan Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang Terjejas Kredit berdasarkan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9 (MFRS 9).

⁴ Mencerminkan i) peningkatan yang ketara dalam peruntukan berjaga-jaga (*precautionary provisions*) yang dipegang oleh bank-bank berikutan prospek ekonomi yang terus tidak menentu; dan ii) kesan asas daripada kos kredit pada suku keempat tahun 2019 yang nyata lebih rendah disebabkan oleh tulis balik (*writebacks*) dan pemulihan pinjaman (*recoveries*) yang lebih tinggi. Nisbah pinjaman terjejas bersih (pinjaman terjejas selepas ditolak peruntukan) secara amnya kekal tidak berubah berbanding dengan tahun sebelumnya pada 1.0%, manakala nisbah jumlah peruntukan kepada jumlah pinjaman meningkat kepada 1.7% pada bulan Disember 2020 (Disember 2019: 1.2%). Sila rujuk Perangkaan Bulanan BNM untuk butiran lanjut.

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021		
	S3	S4	S1	S2	S3 ^a
RM juta					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	8,022	9,313	-630	4,314	5,129
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	764	912	710	1,076	927
Nisbah tuntutan (%)	56	52	55	51	52
Pertumbuhan tahunan (%)					
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebih pendapatan berbanding perbelanjaan	111.4	141.3	94.6	-73.6	-36.1
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	-2.7	25.0	30.2	-6.7	21.4
Nisbah tuntutan (mata peratusan)	-3.4	-6.3	-4.7	-1.6	-3.8

^a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

	2020		2021 ^a		
	S3	S4	S1	S2	S3
	RM bilion				
Hasil	46.4	77.0	49.5	56.9	51.5
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-32.6	10.2	9.3	0.8	10.9
Perbelanjaan mengurus	56.9	53.7	62.2	55.2	50.7
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-17.3	-23.0	0.2	6.2	-11.0
Akaun semasa	-10.5	23.3	-12.7	1.7	0.8
Perbelanjaan pembangunan bersih	12.1	20.2	15.3	12.7	22.1
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	23.5	3.1	41.6	80.7	82.5
Kumpulan Wang COVID-19 ²	5.0	10.4	9.1	9.3	5.0
Imbangan keseluruhan	-27.6	-7.3	-37.1	-20.3	-26.3
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	74.0	84.3	86.6	77.1	77.8
<i>Pertumbuhan tahunan (%)</i>	-5.9	-5.7	17.9	-4.9	5.1
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	874.3	879.6	917.5	958.4	969.3
Hutang Dalam Negeri	659.0	649.8	671.9	698.5	708.5
Hutang Luar Negeri	215.3	229.8	245.6	259.9	260.8
<i>Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin</i>	190.9	206.1	222.2	231.5	234.9
<i>Peminjaman luar pesisir</i>	24.4	23.7	23.4	28.4	26.0

^a Awalan

Nota:

¹ Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

² Kumpulan wang khas yang ditubuhkan di bawah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi dan rancangan pemulihan.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia